

**PATRIOTISME DI KALANGAN
PENJAWAT AWAM DALAM ERA PEMERINTAHAN TUN
MAHATHIR MOHAMAD DAN TUN ABDULLAH
AHMAD BADAWI**

**BADARIAH BINTI BAHRUDIN
(806497)**

**SARJANA SAINS PENGAJIAN STRATEGIK
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TAHUN 2011**

**PATRIOTISME DI KALANGAN
PENJAWAT AWAM DALAM ERA PEMERINTAHAN TUN
MAHATHIR MOHAMAD DAN TUN ABDULLAH
AHMAD BADAWI**

OLEH
BADARIAH BINTI BAHRUDIN
(806497)

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT BAGI MENDAPAT PENGIJAZAHAN
PROGRAM SARJANA SAINS PENGAJIAN STRATEGIK**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TAHUN 2011**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2011**

PERAKUAN HAKCIPTA


Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan untuk mengeluar ulang atau membuat salinan mana-mana bahagian bab, ilustrasi atau isi kandungan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

PERAKUAN PELAJAR

Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan nukilan dan ringkasan ringkasan yang setiap satunya telah dinyatakan sumbernya.

Tarikh serahan

Tandatangan pelajar



Badariah binti Bahrudin
Pusat Pengajian Pendidikan Jauh Program
Kolej Undang Undang, Kerajaan
dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN PENERIMAAN

Setelah diteliti Kertas Projek bertajuk Patriotisme Di Kalangan Penjawat Awam Dalam Era Pemerintahan Tun Mahathir Mohamad Dan Tun Abdullah Ahmad Badawi oleh Badariah binti Bahrudin No Matrik 806497 dan telah diterima sebagai memenuhi syarat Pengijazahan Program Sarjana Sains Pengajian Strategik

Diperakui oleh

Penyelia Pertama
Prof Madya Dr Oemar Hamdan Hj Mohd Djuhri

Penyelia Kertas Projek
Kolej Undang Undang, Kerajaan
dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia

Tarikh:



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK SARJANA
(CERTIFICATION OF MASTER'S PROJECT PAPER)**

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

BADARIAH BINTI BAHRUDIN (806497)

nama penuh
(full name)

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

MASTER OF SCIENCE STRATEGIC STUDIES

telah mengemukakan kertas projek sarjana yang bertajuk:
(has presented his/her master's project paper of the following title):

**PATRIOTISME DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DALAM ERA PEMERINTAHAN TUN
MAHATHIR MOHAMAD DAN TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek sarjana
(as it appears on the title page and front cover of the master's project paper)

bahawa kertas projek sarjana tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan, dan
meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the said master's project paper is acceptable on form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the master's project paper).

(i) Nama/Name : **ASSOC. PROF. DR. OEMAR HAMDAN
HJ. MOHD DJUHRI**
Penyelia Utama (Principal Supervisor)

Tandatangan
(Signature)

(ii) Nama/Name : _____
Tandatangan
(Signature)

Tarikh: 1/12/2011
(Date)

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah swt. Tuhan sekalian Alam, yang menjadikan langit dan bumi dan mencipta segala kejadian. Serta salam dan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Kesyukuran yang tidak terhingga dan sukar untuk melafazkan dan berkat daripada Allah swt. akhirnya saya berjaya menyiapkan kertas projek ini. Atas rasa kesyukuran ini juga saya mendedikasikannya kepada Penyelia Projek dan juga Pensyarah UUM, Prof. Madya Dr. Oemar Hamdan bin Djuhri yang telah banyak membantu dan memberikan dorongan tanpa mengira masa dan waktu. Banyak masa telah diambil oleh beliau walaupun ianya tidak terdapat dalam jadual perjumpaan. Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan dan Allah swt. sahaja yang dapat membalasnya.

Penghargaan ini juga dikalungkan kepada rakan-rakan yang saling membantu dan memberi dorongan kepada saya sehingga kajian ini dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini juga, tidak lupa saya rakamkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya yang banyak memberi sokongan dan bantuan kepada saya semasa menjalankan kajian ini dari segi mental dan fizikal. Terima kasih di atas pengorbanan anda semua.

ABSTRAK

Kertas Projek ini merupakan satu kajian tentang Patriotisme Di Kalangan Penjawat Awam Dalam Era Pemerintahan Tun Mahathir Mohamad Dan Tun Abdullah Ahmad Badawi yang meliputi pelbagai jawatan bermula gred 1 hingga 41. Ianya dibuat di kem-kem yang menganjurkan kursus kenegaraan SSM PTK1. Kajian ini memilih 500 orang responden dan sebanyak 500 borang soal selidik telah diedarkan. Hanya 420 set sahaja yang dikembalikan. Kajian ini telah dijalankan untuk mengupas tentang semangat patriotisme dikalangan penjawat awam dan perbandingan semangat patriotisme mengikut pemimpin. Kajian ini telah membentuk dua objektif khusus iaitu yang pertama : Mengenalpasti pembangunan nilai-nilai patriotisme semasa menjalankan tugas dan pelaksanaan Negara berdasarkan faktor etnik dengan item bina hubungan, item konsep negara, item tanah, item rakyat, item kerajaan dan item kedaulatan. Kedua: Membandingkan semangat patriotisme dikalangan penjawat awam semasa era pemerintahan Y.A. Berbahagia Tun Mahathir Mohamad dan Y.A.Bhg. Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi. Setelah borang soal selidik dikembalikan, ianya dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS. Analisa data fokuskan kepada peratusan dan skor min data SPSS. Hasil kajian mendapati bahawa penjawat awam mempunyai semangat patriotisme yang tinggi tanpa mengira siapa jua yang memimpin. Kajian ini penting bagi pihak kerajaan untuk melakukan ‘post-mortem’ dan akhirnya membuat penambahbaikan dan sebagainya.

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|--|------------|
| Jadual 4.1.1.1 | Peratusan Responden dan Borang Soal Selidik | 52 |
| Jadual 4.1.1.2 | Kategori Umur | 53 |
| Jadual 4.1.1.3 | Kelulusan | 54 |
| Jadual 4.1.4.1.1 | Kaitan Faktor Etnik dengan Item Bina Hubungan | 55 |
| Jadual 4.1.4.2.1 | Kaitan Faktor Etnik dengan Item Konsep Negara | 56 |
| Jadual 4.1.4.3.1 | Kaitan Faktor Etnik dengan Item Tanah | 58 |
| Jadual 4.1.4.4.1 | Kaitan Faktor Etnik dengan Item Rakyat | 59 |
| Jadual 4.1.4.5.1 | Kaitan Faktor Etnik dengan Item Kerajaan | 60 |
| Jadual 4.1.4.6.1 | Kaitan Faktor Etnik dengan Item Kedaulatan | 62 |
| Jadual 4.1.4.7.1 | Perbandingan Pemerintahan Mengikut Zaman Tun Mahathir dan Tun Abdullah | 64 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|---|-----------------------|
| Rajah 1.8.1 | Model hubungan antara Penjawat Awam dan Pembolehubah dalam melihat prestasi dalam perkhidmatan kerajaan | 15 |

KANDUNGAN

HALAMAN

| | |
|-------------------|------|
| PERAKUAN HAKCIPTA | iv |
| PERAKUAN PELAJAR | v |
| PERAKUAN PENERIMA | vi |
| PENGHARGAAN | vii |
| ABSTRAK | viii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI RAJAH | x |

KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN

| | | |
|-----|--|----|
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Masalah | 6 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 9 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 10 |
| | a) Objektif Umum | 10 |
| | b) Objektif Khusus | 11 |
| 1.5 | Skop dan Batasan Kajian | 11 |
| 1.6 | Rasional Kajian | 12 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.8 | Rangka Kerja Teoritikal | 15 |
| | 1.8.1. Model hubungan antara Penjawat Awam dan Pembolehubah dalam melihat prestasi dalam perkhidmatan kerajaan | 15 |
| 1.9 | Definisi Operasi | 16 |

| | | |
|-------|-------------------------------------|----|
| 1.9.1 | Pembangunan Nilai-nilai Patriotisme | 16 |
| 1.9.2 | Penerapan | 17 |
| 1.9.3 | Sejarah | 17 |
| 1.10 | Definisi Istilah | 19 |
| | 1.10.1 Patriotisme | 19 |
| 1.11 | Limitasi Masa | 20 |
| a) | Kekangan Masa | 20 |
| b) | Kekangan Kos | 21 |
| c) | Kerjasama | 21 |
| d) | Kesahihan Mengisi Borang | 22 |

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

| | | |
|-------|---|----|
| 2.1 | Pengenalan | 23 |
| 2.2 | Definisi Konsep Pembangunan Patriotisme | 24 |
| 2.3 | Pendekatan Teori | 30 |
| 2.3.1 | Teori Humanistik tentang Konsep Kesempurnaan Kendiri oleh Carl Rogers | 30 |
| 2.3.2 | <i>Iconoclastic Patriotism</i> | 32 |
| 2.3.3 | <i>Symbolic Patriotism</i> | 33 |
| 2.3.4 | <i>Capitalistic Patriotism</i> | 34 |
| 2.3.5 | <i>Instinctive Environment Patriotism</i> | 34 |
| 2.3.6 | <i>Nationalistic Symbolic Patriotism</i> | 35 |
| 2.4 | Peranan dan Kepentingan Patriotisme di Kalangan Penjawat Awam di Malaysia | 36 |
| 2.5 | Penjawat Awam Sebagai Kepercayaan Rakyat Terhadap Kerajaan | 40 |

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|--------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 46 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 46 |
| 3.3 | Populasi Kajian | 47 |
| 3.4 | Pengumpulan Data | 47 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 49 |
| 3.6 | Analisis Data | 50 |

BAB 4: ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

| | | |
|-----|---|----|
| 4.0 | Pengenalan | 52 |
| 4.1 | Keputusan | 52 |
| | 4.1.1. Peratusan Responden dan Borang Soal Selidik | 52 |
| | 4.1.2 Kategori Umur | 53 |
| | 4.1.3 Kelulusan | 54 |
| | 4.1.4 Faktor etnik | 55 |
| | 4.1.4.1 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Bina Hubungan | 55 |
| | 4.1.4.2 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Konsep Negara | 56 |
| | 4.1.4.3 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Tanah | 58 |
| | 4.1.4.4 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Rakyat | 59 |
| | 4.1.4.5 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Kerajaan | 60 |

| | |
|--|----|
| 4.1.4.6 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Kedaulatan | 62 |
| 4.1.4.7 Perbandingan Pemerintahan Mengikut Zaman Tun Mahathir dan Tun Abdullah | 64 |

BAB 5: MASALAH, CADANGAN DAN KESIMPULAN

| | |
|--|----|
| 5.1 Pengenalan | 66 |
| 5.2 Masalah | 46 |
| 5.2.1 Hubungan Antara Kaum | 67 |
| 5.2.2 Nilai-nilai Patriotisme semasa Menjalankan Tugas | 67 |
| 5.2.3 Kesetiaan kepada pemimpin dan kerajaan Memerintah | 68 |
| 5.3. Cadangan | 70 |
| 5.3.1 Hubungan antara etnik perlu dieratkan | 70 |
| 5.3.2 Pembangunan Nilai-nilai Patriotisme semasa menjalankan tugas | 72 |
| 5.2.3 Kesetiaan kepada pemimpin dan kerajaan memerintah | 74 |
| 5.4 Kesimpulan | 76 |

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran 1 : Surat Permohonan Melakukan Soal Selidik

Lampiran 2 : Borang Soal Selidik

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 Surat Kebenaran untuk mengedar Borang Kaji Selidik

Lampiran 2 Borang Kaji Selidik

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini adalah mengenai semangat patriotisme dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Patriotisme mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi empat 2007 menyatakan bahawa perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Seseorang yang mempunyai semangat ini bersifat patriot dan sanggup mempertahankan daulat serta membela negaranya tanpa memikirkan kesan buruk. Seorang patriot merupakan seseorang individu yang menjuarai kepercayaan tentang kebesaran dan kebenaran negaranya, seseorang yang menghargai dan memandang tinggi terhadap simbol-simbol yang menjadi kebanggaan negara tersebut dan seseorang yang bersedia untuk mempertahankan negara dan kerajaan negara tersebut dengan nyawanya.

Semangat patriotisme adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat ketahanan diri, berani, bersemangat wira dan dapat menyumbang kepada kepentingan bangsa dan negara. Semangat patriotisme ini penting dalam usaha mencorakkan semangat baru masyarakat Malaysia dan

generasi muda yang kian berubah mengikut arus peredaran masa tetapi semakin ketandusan nilai-nilai dan semangat patriotisme.

Ukuran patriotisme pula cukup subjektif dan amat luas ertinya. Patriotisme bukan isu politik atau gimik dan tidak sekadar semangat. Ia lebih bersifat spiritual, rasa kecintaan yang kekal dan tebal kepada negara yang turut dicirikan oleh beberapa nilai seperti kesungguhan, keyakinan, keberanian dan kesinambungan. Pendek kata, patriotisme bukan hanya di bibir sahaja. Ia harus lahir secara semula jadi sebagai sesuatu yang dirasai dan di tafsir daripada degup jantung dan di jiwa setiap rakyat Malaysia tanpa dipaksa.

Patriotik itu wujud dalam pelbagai rupa bentuk manakala patriotisme boleh meliputi pelbagai aktiviti. Pembentukan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat patriotik adalah berasaskan amalan ciri-ciri berikut (Kementerian Pendidikan, 1994):

(a) Bersemangat cinta akan negara dan bangsa

Seseorang yang bersemangat cinta akan negara dan bangsa harus menunjukkan sifat dan amalan bertanggungjawab untuk mewujudkan kesejahteraan dan keamanan negara serta memberi kemajuan kepada negara dan bangsa, tidak gentar untuk mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa serta sedia berkorban untuk negara dan bangsa.

(b) Berbangga sebagai rakyat Malaysia

Seseorang yang berbangga menjadi rakyat Malaysia akan bersedia mempertahankan dan menyanjung perlembagaan negara, menghormati raja dan pemimpin negara, menghormati lambang-lambang negara seperti bendera dan lagu kebangsaan, mengamalkan perlakuan yang sopan dan bertatasusila serta mengenal dan menghayati warisan budaya tempatan.

(c) Bersemangat kekitaan

Rakyat Malaysia harus bersatu dan berharmoni, bertoleransi, bekerjasama dan tolong-menolong, hormati-menghormati, bersefahaman dan bermuafakat, menpunyai semangat muhibah dan bersifat penyayang antara sesama rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.

(d) Berdisiplin

Rakyat yang berdisiplin adalah mereka yang mematuhi peraturan dan undang-undang, bertanggungjawab, bertindak secara wajar, bersifat ikhlas, jujur dan amanah, berlaku adil dan bertimbang rasa terhadap negara dan bangsa.

(e) Berusaha dan produktif

Seseorang yang berusaha dan produktif merupakan seseorang individu yang rajin, tekun dan gigih, berdikari, sentiasa mempertingkatkan usaha, tabah menghadapi cabaran, menyokong dan melibatkan diri dalam usaha mempertingkatkan pembangunan negara serta peka terhadap isu-isu semasa dalam dan luar negara.

Nilai-nilai semangat kenegaraan harus ditekankan terhadap golongan belia supaya kemajuan dan kemahiran di dalam bidang yang diceburi tidak terlepas ke negara luar. Semangat kenegaraan ini akan menyuburkan perasaan cintakan negara, tanpa kita sedar ia akan mewujudkan golongan belia yang sanggup berkorban jiwa dan raga demi tanah air tercinta. Golongan belia merupakan pewaris negara seterusnya bakal menyambung teraju dan perjuangan pemimpin terdahulu. Sewajarnya bagi memastikan kesinambungan perjuangan diteruskan, pemimpin muda perlu mengisi dada dengan ilmu dan kemahiran kepimpinan serta menanam semangat patriotisme sebelum mengorak langkah memegang tumpuk pemerintahan.

Melalui kajian ini, penyelidik cuba menimbulkan perhatian terhadap pembangunan dan semangat patriotisme dalam kalangan

penjawat awam di Malaysia kerana setiap penjawat awam perlu mempunyai unsur-unsur patriotisme di dalam pentadbiran mereka seperti bertolak ansur, bertoleransi, hormati raja dan pemimpin negara, adil, bertimbang rasa dan perlu menyemai elemen bersatu padu dan berharmoni dalam tindakan mereka agar dapat melahirkan rakyat yang berjiwa patriotik. Ini supaya penjawat awam lebih bertanggungjawab kepada bangsa dan negara seperti mengelak daripada terjebak daripada gejala rasuah. Maka dengan ini, unsur patriotisme perlu diterapkan dan disemai dikalangan penjawat awam agar rakyat mendapat implikasi yang implikasi yang positif, hidup dalam aman dan damai, bersatu padu dan harmoni. Sehubungan dengan itu, penjawat awam perlu menunjukkan iltizam dan semangat yang tinggi dalam urusan pentadbiran masyarakat agar selaras dengan gagasan 1Malaysia dan Wawasan 2020.

Dalam perbincangan Bab 1, penyelidik mengenalpasti perkara-perkara yang merupakan asas pembinaan bagi kajian ini. Perbincangan tersebut merangkumi latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, skop dan batasan kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, rangka kerja kajian, definisi istilah dan limitasi masa.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sejak kebelakangan ini, terdapat pendapat yang mula membincangkan tentang semangat patriotik yang semakin nipis dan hilang dari kalangan rakyat Malaysia walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti demi untuk meningkatkan semangat patriotisme dikalangan rakyat Malaysia namun dapat dilihat segelintir rakyat Malaysia tidak mempunyai kesedaran mengenai semangat cinta dan setia kepada negara. Lebih menyedihkan lagi seorang rakyat Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke Taiwan bernama Wee Meng Chee telah mengubah dan menyanyikan lagu Negaraku yang dipetik dari lagu Kebangsaan Negara. Terdapat ramai golongan sebegini yang bersikap negatif dan tidak komited dengan semangat patriotik. Pemikiran mereka telah diracuni oleh anasir-anasir yang tidak sihat supaya membenci kerajaan dan negara. Terdapat juga ancaman dari kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab seperti kumpulan pelampau kaum, agama dan politik yang sentiasa menanam rasa benci rakyat kepada negara. Perkara ini lebih membimbangkan kerana ianya mensasarkan kepada golongan remaja dan belia iaitu kumpulan pelapis negara.

Sehubungan itu, faktor penolakan dan penarikan ini membawa kepada penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti sosial yang boleh merosakkan keutuhan struktur masyarakat di negara ini. Parson (1977) menyatakan tradisionalisme akan terhakis

kerana modenisme, disebabkan faktor dunia sejagat. Giddens (1990) menghujahkan bahawa kesan utama hasil daripada pemodenan ialah globalisasi. Manakala kuasa bukan lagi faktor mutlak yang menjelaskan kita sebagai individu dan negara. Kesemua pendapat ini menumpukan kepada tanggapan betapa hebatnya proses globalisasi yang melanda dunia pada masa kini. Globalisasi, kesejagatan atau dunia tanpa sempadan membawa konotasi bahawa kewujudan negara dan bangsa semakin kurang ditekankan.

Walaupun pada zaman ini sering dilaungkan slogan globalisasi dan dunia tanpa sempadan tetapi semangat patriotik dan cintakan tanah air yang positif perlu juga dipupuk, khususnya dalam konteks negara di Malaysia. Abdul Rahman Embong (1997) ketika membincangkan hal ini, menyatakan :

"Nasionalisme pada zaman ini ialah nasionalisme yang progresif dan terbuka- terhadap luar, tetapi tetap memelihara keutuhan dan kekuatan dalaman serta kedaulatan sempadan negara sendiri dan waspada terhadap agenda politik kuasa-kuasa luar di sebalik proses globalisasi dan lagu "desa sejagat" mereka"

(Abdul Rahman Embong, 1997, hal. 64)

Dalam keadaan negara kita yang berbilang kaum, gerakan nasionalisme masih perlu dibina semula, bukan sekadar untuk menghadapi masalah dan cabaran pembangunan kini, tetapi untuk menghadapi masalah perpaduan kebangsaan. Semangat patriotik

dapat dijadikan benteng atau perisai untuk menangkis ancaman dan kebanjiran gejala negatif akibat daripada proses antarabangsa dan globalisasi. Seiring dengan ini, satu Kongres Patriotisme Negara telah diadakan pada 24-26 Oktober 2002 yang membincangkan tentang segala aspek berkaitan dengan patriotisme. Satu resolusi penting daripada kongres tersebut yang telah membawa kepada perbincangan Kabinet ialah mewajibkan pelajar-pelajar yang berumur 17 tahun ke atas terlibat dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bermula pada tahun 2004 dengan tujuan untuk meningkatkan rasa cinta mereka kepada negara atau semangat patriotisme.

Golongan remaja dan belia perlu diterapkan nilai-nilai cintakan negara dan semangat patriotisme kerana mereka merupakan peneraju dan pemimpin negara pada masa hadapan. Jatuh bangun negara terletak pada tangan mereka kerana pada suatu masa mereka akan bekerja dan menyumbang kepada negara. Sekiranya mereka tidak cinta dan setia kepada negara adalah dikhawatiri negara akan hilang kedaulatannya seperti Kejatuhan Melaka pada 1511.

Ekoran ini, antara golongan yang penting dalam negara ialah penjawat awam kerana mereka adalah barisan hadapan untuk menentukan jatuh bangun sesebuah negara. Dalam hal ini, selain daripada penerapan nilai-nilai patriotisme melalui penghayatan sejarah Malaysia, kerajaan juga perlu memilih calon penjawat awam

yang betul-betul berkelayakan dari segi mental dan fizikal. Perkara ini penting agar setiap penjawat awam mempunyai hati yang ampuh dan jiwa yang jitu dalam mencintai negara dan rasa setia kepada negara tanpa mengendahkan pertukaran pimpinan negara. Terdapat perbezaan sikap dan semangat patriotisme penjawat awam semasa era Y.A.Bhg. Tun Mahathir bin Mohamed, Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi dan Y.A.B. Dato' Seri Najib bin Tun Razak.

Corak pemerintahan yang berbeza membawa kepada perubahan sikap rakyat Malaysia amnya dan penjawat awam khususnya. Sikap yang berbeza ini semakin jelas dilihat semasa pemerintahan oleh Y.A.Bhg. Tun Mahathir bin Mohamed dan Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi. Ketika era Y.A.Bhg. Tun Mahathir bin Mohamed rakyat banyak mendiamkan diri berbanding ketika era Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi yang membuka ruang kepada yang untuk menyuarakan isi hati mereka. Melihat kepada ini situasi dalam negara menjadi berbeza dan impaknya membawa kepada perubahan yang besar.

1.3 Penyataan Masalah

Kurangnya semangat patriotik dalam kalangan penjawat awam di Malaysia hari ini merupakan salah satu sebab yang menyebabkan sebahagian daripada mereka tidak memberi tumpuan dan sumbangan secara menyeluruh kepada pembangunan dan

kemajuan negara kerana jiwa mereka kosong dari segi nilai dan rasa kecintaan kepada agama, bangsa dan negara. Kajian ini dijalankan untuk menyelidik tahap pembangunan dan tahap patriotisme dalam kalangan penjawat awam di Malaysia dan perbandingan sikap penjawat awam semasa pemerintahan oleh Y.A.Bhg. Tun Mahathir bin Mohamed dan Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi.

1.4 Objektif Kajian

Secara amnya, objektif kajian ini dijalankan adalah memperjelaskan dan mengkaji tahap semangat patriotisme dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Sehubungan dengan itu, objektif kajian dibahagikan kepada dua objektif umum dan objektif khusus.

i) Objektif Umum

Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti setakat mana penjawat awam mengikut etnik di negara ini mempunyai semangat patriotisme dan apakah punca-punca yang boleh menyebabkan mereka daripada membina rasa cinta pada negara mengikut perkembangan fasa pemerintahan negara.

ii) Objektif Khusus

Objektif khusus dalam kajian yang dijalankan adalah :

- i. Mengenalpasti pembangunan nilai-nilai patriotisme semasa menjalankan tugas dan pelaksanaan dasar negara berdasarkan faktor etnik dengan item bina hubungan, item konsep negara, item tanah, item rakyat, item kerajaan dan item kedaulatan.
- ii. Membandingkan semangat patriotisme dikalangan penjawat awam mengikut zaman pemerintahan semasa Y.A. Berbahagia Tun Mahathir Mohamad dan Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi.

1.5. Skop dan Batasan Kajian

Pada keseluruhannya, skop dan batasan kajian ini adalah difokuskan kepada mengenalpasti tahap patriotisme dikalangan penjawat awam dan perbandingan semangat patriotisme dikalangan penjawat awam semasa era pemerintahan .A. Berbahagia Tun Mahathir Mohamad dan Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi.

Skop kajian semangat patriotisme dikalangan penjawat awam dan perbandingan semasa era pemerintahan Y.A.Bhg. Tun Mahathir Mohamad dan Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi ini adalah melibatkan peserta Kursus Kenegaraan Sistem Saran Malaysia (SSM), Penilaian Tahap Kecekapan 1(PTK1). Kajian ini melibatkan ke semua jawatan bermula dengan Gred 1 hingga 41. Pemilihan ke semua jawatan dan gred ini adalah disebabkan oleh kehadiran mereka di dalam kursus dan ini memudahkan untuk mengedarkan borang kaji selidik.

1.6. Rasional Kajian

Banyak kajian tentang penerapan nilai-nilai Murni dan semangat patriotisme dikalangan pelajar sekolah, mahasiswa dan rakyat. Walau bagaimanapun, kajian mengenai penjawat awam yang dikaitan sebagai pelaksana dasar kerajaan adalah kurang dan sepatutnya kumpulan ini merupakan kumpulan yang penting untuk membina gagasan negara bangsa yang besar kerana patriotisme melibatkan seluruh individu dalam sesebuah negara dan pembangunan patriotisme mempengaruhi kehidupan setiap rakyat.

Patriotisme begitu penting bagi penjawat awam kerana ia akan melahirkan penjawat awam yang akan berkhidmat dengan

cekap, yakin dan jujur dalam tindakan mereka seperti yang diungkapkan oleh President Theodore Roosevelt (1996) :

“ Patriotik akan menjadikan seseorang itu berkhidmat dengan cekap demi negaranya....”

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian ini banyak memberi manfaat kepada kerajaan kerana penjawat awam merupakan jentera kerajaan yang memberi perkhidmatan kepada rakyat di mana mereka dapat mempengaruhi tahap kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Sekiranya baik penjawat awam maka baiklah kerajaan dan begitu sebaliknya. Menurut Walle (2002), beliau menyatakan bahawa hubungan antara pencapaian pihak awam dan rakyat terhadap kerajaan boleh diukur dari segi sebab dan akibatnya. Rakyat mempunyai persepsi yang negatif sekiranya perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat tidak memuaskan. Prestasi agensi kerajaan yang tidak memuaskan akan membentuk satu tanggapan yang negatif terhadap prestasi kerajaan. Manakala agensi kerajaan yang berfungsi secara berkesan akan melahirkan satu masyarakat yang tinggi tahap keyakinan mereka terhadap kerajaan.

Bagi pihak kerajaan, kajian ini akan membantu mereka menyedari mengenai tahap patriotik dikalangan penjawat awam dan melihat sejauh mana kesan pendidikan di Malaysia yang

merangkumi Subjek Sejarah di dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Semakan 2003).

Sekiranya hasil kajian ini memberi maklumat kepada pihak kerajaan tentang sikap, semangat dan kesedaran penjawat awam tanpa mengira etnik maka maklumat ini akan menjadi panduan kepada mereka demi menyusun strategi dalam melaksanakan proses membuat dasar dan pemilihan penjawat awam sekaligus memikirkan metod yang lebih sesuai untuk dijadikan pemahaman atau pembakar semangat kepada pelajar sekolah sebelum mereka melangkah kaki ke alam pekerjaan.


Melalui kajian ini juga diharapkan pihak yang bertanggungjawab kepada perkara ini akan membuat “post-mortem” bagi membetulkan keadaan dan membuat perubahan supaya semua penjawat awam dipilih dan mempunyai semangat patriotisme yang kental. Apabila penjawat awam mempunyai semangat patriotisme yang tinggi maka negara dapat menangani cabaran perubahan ekonomi, politik dan sosial.

Sehubungan itu, kajian ini amat penting kepada kerajaan untuk mengenalpasti masalah yang timbul dengan mendapat maklum balas daripada penjawat awam.

1.8. Rangka Kerja Teoritikal

Rangka Kerja Teoritikal ini melihat kepada dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar iaitu Penjawat Awam dan pembolehubah tidak bersandar iaitu nilai, penerapan dan sejarah. Ia melihat bagaimana pembolehubah tidak bersandar mempengaruhi penjawat awam di dalam prestasi terhadap pentadbiran kerajaan. Rajah di bawah menjelaskan hubungan sebenar yang wujud.

Rajah 1.8.1



Model hubungan antara Penjawat Awam dan Pembolehubah dalam melihat prestasi dalam perkhidmatan kerajaan

1.9. Definisi Operasi

1.9.1 Pembangunan Nilai-nilai Patriotisme

Marimuthu (1990) telah menjelaskan bahawa penerapan nilai merupakan salah satu proses sosialisasi yang bermakna seseorang individu mempelajari cara-cara masyarakatnya dengan harapan menjadikan cara-cara ini sebagai sebahagian daripada personalitinya. Sosialisasi zaman kanak-kanak amat penting. Orang-orang dewasa mempunyai kedudukan yang strategik untuk mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Konsep pembangunan bagi menerangkan sejarah manusia dan perubahan yang dialami secara berperingkat-peringkat untuk menuju kemajuan sering dikaitkan dengan beberapa orang tokoh seperti Comte (1798-1857), Marx (1818-83), Spencer (1820-1903), Durkheim (1858-1917) dan Weber (1864-1920). Kebanyakan ahli teori berpandangan bahawa perubahan sikap dan nilai individu akan membawa kepada satu masyarakat, sistem politik dan ekonomi yang moden (Alejandro, 1975). Pembangunan nilai-nilai patriotisme di sini bermaksud satu sikap positif dan sifat sayang dan setia kepada negara membawa kepada kemakmuran dan kemajuan di dalam negara. Di dalam hal ini, nilai-nilai patriotik sepatutnya telah wujud dalam jiwa setiap penjawat awam kerana nilai ini telah dipupuk sejak kecil lagi melalui ibu bapa dan guru-guru di sekolah. Sehubungan itu,

sikap ini perlu menjadi kekuatan kepada penjawat awam agar mereka boleh untuk sentiasa mempamerkan nilai-nilai positif apabila mereka memberi khidmat sama ada secara langsung atau tidak kepada pelanggan atau rakyat.

1.9.2 Penerapan

Erti penerapan dalam Kamus Dewan (1991) adalah penyerapan dan pemantapan nilai. Pengukuran dilakukan dengan cara pemerhatian terhadap tingkahlaku, tindakan, keperibadian individu dalam menjalankan berbagai-bagai aktiviti (Sufean, 1995). Nilai adalah idea tentang kepentingan, faedah, mutu dan kebernilaian tentang segala-gala perkara, benda dan fenomena yang terdapat dan berlaku di dalam alam semesta ini. Oleh itu, penerapan nilai dalam kajian ini merujuk kepada komunikasi lisan antara penjawat awam dengan pelanggan (rakyat) secara dua hala yang menyentuh unsur-unsur patriotism.

1.9.3 Sejarah

Menurut M. Yusof (2000), perkataan sejarah atau history (bahasa Inggeris) yang pada asasnya berasal daripada perkataan Yunani purba, *historia* yang bererti penyelidikan. Tetapi penyelidikan itu bukanlah peristiwa silam sahaja, malah

tentang peristiwa semasa ataupun sezaman. Tahap-tahap tentang perubahan tanggapan terhadap sejarah dan makna sejarah itu menerusi tahap-tahap perkembangan budaya melalui proses akulturasi dengan Islam dan Barat dari sejak kurun ke-13 dan ke-15 (Sidi Ghazalba, 1966). Manakala menurut Abd. Rahim (1997), pendidikan sejarah dapat menitikberatkan nilai dan semangat kewarganegaraan melalui penghayatan sejarah negara. Usaha membina keperibadian bangsa Malaysia ditekankan dan diberi keutamaan. Oleh itu, pada keseluruhannya, sejarah akan membawa kita mengenal jati diri atau asal usul bangsa kita serta boleh menanamkan sifat cintakan bangsa dan setia kepada negara. Dalam hal berkaitan kajian ini, sejarah sangat penting untuk memberi kesedaran kepada penjawat awam agar mereka sedar tentang asal usul mereka dan bagaimana susah payahnya pejuang-pejuang negara untuk mempertahankan negara, sikap perjuangan dan semangat sayangkan negara ini perlu sentiasa di beri perhatian agar perasaan yang sama wujud dikalangan penjawat awam supaya mereka sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan segala dugaan dan cabaran.

1.10. Definisi Istilah

1.10.1 Patriotisme

Secara umumnya patriotisme ialah perasaan cinta kepada tanah air. Perasaan ini merupakan satu puncaran sikap, perlakuan dan dijelmakan juga dalam bentuk perlambangan. Bendera dan lagu kebangsaan adalah unsur yang paling asas bagi perlambangan ini. Nilai yang diberikan kepada kedua-dua lambang ini amat tinggi, kerana kita menghormati bendera kebangsaan dan lagu kebangsaan. Semasa lagu kebangsaan dimainkan, bendera kebangsaan akan dinaikkan dan kita akan menabik atau berdiri tegak sebagai tanda menghormatinya (Mohd Taib, 1998)

Menurut Abd Rahim (1999), patriotisme pada umumnya boleh dikaitkan dengan semangat, perasaan, sikap, kesedaran, idealisme yang menyentuh soal-soal kebangsaan, kenegaraan, tanggungjawab, perjuangan, pengorbanan, kecintaan, kesetiaan, ketahanan diri dan sumbangan warganegara terhadap negara bangsa dan agama. Patriotisme merupakan unsur ketahanan nasional yang amat penting bagi meningkatkan komitmen dan tanggungjawab rakyat terhadap bangsa dan negara. Unsur-unsur patriotisme diterapkan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, bersemangat kekitaan, berdisiplin berusaha dan produktif ke arah mencapai matlamat dan aspirasi negara.

Patriotisme juga bererti semangat cinta kepada tanah air atau taat kepada negara, melepas perasaan taat kepada bangsa. Negara mempunyai lambang-lambang atau institusi-institusi tertentu yang boleh digunakan untuk membentuk semangat patriotisme ini misalnya, bendera kebangsaan (Jalur Gemilang), lagu kebangsaan (Negaraku), konsep raja sebagai institusi atau lambang kedaulatan negara (Raja Berpelembagaan), perlembagaan negara dan sistem undang-undang negara (Hassan, 2001)

1.11. Limitasi Masa

Kajian ilmiah ini turut menghadapi beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan. Jumlah responden adalah seramai 500 orang dan hanya 420 responden sahaja yang memulangkan borang kaji selidik berkenaan. Empat faktor dikenalpasti yang membawa kepada kekangan dalam kajian ini. Faktor-faktor itu adalah seperti berikut:

a) Kekangan Masa

Masa adalah satu kekangan yang tidak dapat dielakkan. Namun disebabkan oleh perancangan yang strategik dan tersusun rapi, maka kesulitan yang timbul disebabkan faktor ini dapat dielakkan. Kekangan masa di sini adalah disebabkan kerana ketiadaan masa untuk bertemu dengan responden

dalam mengedarkan soal selidik, masa yang terhad disebabkan oleh tugas hakiki yang semakin bertambah dan juga disebabkan oleh perutukan masa yang terhad dalam menganalisis data menggunakan perisian SPSS.

b) Kekangan Kos

Perbelanjaan yang tinggi diperuntukkan dalam mencetak borang soal-selidik serta perjalanan untuk menghantar borang kaji selidik ke setiap kem-kem.

c) Kerjasama

Sepanjang menjalankan kajian ini di setiap kem, tiada masalah besar yang timbul dalam mendapatkan kerjasama jurulatih bagi tujuan ini membuat kajian ini. Pihak kem dan orang perseorangan banyak membantu dan memberikan kerjasama yang memuaskan dalam mengisi borang kaji selidik ini namun terdapat juga borang yang tidak dikembalikan oleh responden disebabkan oleh beberapa masalah seperti kesibukan berkursus, terlupa mengisi borang kaji selidik dan terlupa di mana borang itu diletakkan. Tetapi apa yang penting ialah borang telah dikembalikan melebihi 50% dan kajian dapat dijalankan dengan jayanya.

d) Kesahihan Mengisi Borang

Sungguhpun hampiur kesemua borang kaji selidik dikembalikan, namun ada juga borang yang tidak ditanda dengan betul mengikut kehendak soalan. Ada juga soalan yang dijawab tidak mencerminkan idea atau cetusan hati mereka yang mungkin disebabkan oleh faktor seperti tidak cukup masa atau terlalu sibuk dengan tugas sehari-hari.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini menguraikan kepentingan-kepentingan menjalankan tugas sebagai seorang penjawat awam yang boleh menimbulkan semangat patriotisme ketika waktu bekerja. Seterusnya juga akan membincangkan pendekatan teori dan kajian lepas yang berkaitan sama ada dari dalam dan luar negara.

Selain itu, beberapa dapatan dan maklumat dari pelbagai sumber berkaitan sama ada dari dalam maupun luar negara juga akan diulaskan termasuk peranan penjawat awam yang berlainan bangsa dalam pembangunan dan penerapan unsur patriotisme semasa menjalankan tugas. Dengan sorotan karya ini, penyelidik dapat membentuk rangka kajian untuk menentukan sama ada wujudnya pembangunan dan penerapan semangat cinta akan negara di kalangan penjawat awam di Malaysia mengikut etnik ketika waktu bekerja.

2.2 Defini Konsep Pembangunan Patriotisme

Pengertian patriotisme telah di definisikan dalam Bab 1 mengikut Kamus Dewan dan Pustaka edisi empat 2007 iaitu bermaksud perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Tan Sri Ahmad Sarji iaitu Penggerusi Pemodal Nasional Berhad (PNB), menyatakan bahawa definisi patriotsme ini sentiasa berubah dari semasa ke semasa mengikut peredaran masa. Patriotisme bermaksud seseorang individu yang mengangkat senjata untuk menentang para penjajah bagi menuntut kemerdekaan negara pada zaman negara kita dijajah dahulu. Kemudian maksud itu berubah kepada mereka yang berusaha mengisi kemerdekaan negara serta mesti setia kepada tanah air serta mempertahankannya dari anasir-anasir luar. Kini, patriotisme bermaksud sesiapa sahaja yang menyumbangkan bakti mereka kepada negara dalam apa bidang sekalipun yang dianggap baik (Utusan Mlaysia, 15 Januari 1999). Patriotisme mempunyai kaitan yang rapat dengan ideologi dan tidak mudah dipisahkan dari individu yang mempunyai semangat patriotisme yang kuat secara semula jadi. Nasionalisme adalah ideologi mengikut teori atau secara lisan dan jika dilaksanakan dalam bentuk aktiviti pula ia akan dikenali sebagai patriotisme. Namun begitu, mengikut Zubedah (1999), patriotisme adalah pelakuan atau gerakan yang melahirkan komitmen dan kesetian kepada sesebuah bangsa dan negara.

Manakala Kateb (2000) berpendapat bahawa patriotisme merupakan satu persediaan berkorban sehingga menggadaikan nyawa demi sesebuah abstraksi. Konsep ini adalah mempamerkan kecintaan di dalam diri seseorang tanpa sempadan. Ini sama sekali berbeza dengan pendapat Ilmuan Islam yang diutarakan oleh Siddiq (1998), patriotisme membawa maksud cinta dan tanggungjawab yang dirasai oleh seseorang terhadap jiran, kaum dan wilayahnya. Dalam konteks ini, semangat ini adalah lebih menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek seperti memberi khidmat kepada kaum, bangsa, negara dan mempertahankan umat serantau atau sewilayah ketika digangu ketenteramannya atau diserang dan ianya adalah tanggungjawab menurut Islam.

Pada 24-26 Oktober 2002, sebuah Kongres Patriotisme telah dianjurkan oleh bekas-bekas pemimpin Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang bertujuan membincangkan keperluan untuk menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia amnya, generasi muda khasnya (Utusan Malaysia, 26 Oktober 2002). Ini merupakan satu lanjutan daripada Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru yang dianjurkan oleh Majlis Belia Malaysia di Shah Alam pada 18 Februari 2001 lalu. Ia melibatkan setiap dan seluruh rakyat. Ia melibatkan sesuatu yang agung, yang antara lain melipui aspek seperti keyakinan, keberanian, kebijaksanaan, kesungguhan dan kesinambungan. Ia adalah persoalan

kewarganegaraan yang amat penting. Ia adalah persoalan kemerdekaan dan kedaulatan (Utusan Malaysia, 26 Oktober 2002)

Semangat patriotisme tidak akan lahir dengan sendirinya. Ia perlu dipupuk, dibentik, dilatih dan dilaksanakan. Pendekatan yang telah digunakan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dengan memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan suatu langkah yang bijak dalam meningkatkan semangat patriotisme dan peraduan dalam kalangan generasi muda. PLKN yang dilaksanakan diharapkan dapat melahirkan remaja yang tidak memiliki ciri-ciri yang hanya mementingkan diri, hilang semangat patriotik dan bersifat materialistik, selanjutnya sifat dan sikap ini tidak akan dibawa di alam pekerjaan atau masa hadapan mereka nanti.

Generasi kini menterjemahkan semangat patriotisme mereka ke dalam bentuk sumbangan konkret terhadap kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Sumbangan dan pemupukan semangat patriotisme haruslah berbeza dan tidak dalam bentuk tradisional. Semangat patriotisme pada masa kini bukan hanya sekadar menyertai angkatan tentera malah dalam generasi kini ia dapat dirungkaikan dengan cemerlang dalam pelajaran, memenangi hadiah Nobel, menjuarai pertandingan sukan di peringkat antarabangsa, mencipta teknologi terkini dan sebagainya. Ini kerana mereka yang lebih berilmu akan dipandang tinggi oleh masyarakat berbanding mereka tidak mempunyai apa-apa.

Secara menyeluruh, semangat patriotisme merupakan aktiviti mendaulatkan dan menghormati bendera negara, menyanyikan lagu kebangsaan dengan penuh semangat, menghormati lambang negara yang dapat melahirkan komitmen atau semangat kebangsaan terhadap negara yang ditekankan melalui nasionalisme atau secara teori maupun lisan.

Definisi konsep pembangunan patriotisme bertujuan untuk memberi penjelasan atau gambaran tentang skop kajian ini. Pembangunan mengikut Van Nieuwenhinze dalam Rahimah (1989), adalah suatu pembolehubah yang mempunyai pengertian yang berbeza dan tidak konsisten iaitu ia berubah mengikut siapa yang mengemuka dan menggunakan. Pembangunan itu bukan sesuatu yang abstrak dan wujud dalam hampawa di luar alam manusia menurut Shamsul (1990). Pembangunan juga adalah tentang ragam manusia dan telatahnya direka oleh manusia. Oleh yang demikian, amatlah sesuai bagi kita megulaskan disini tentang pembangunan dan segala yang bersangkut paut dengannya dan mengenai masyarakat Malaysia serta perspektif-perspektif yang digunakan untuk menganggapnya.

Pembangunan masyarakat dan negara meliputi dimensi pentadbiran, teknologi, ekonomi, sikap, ilmu, pemikiran, seni budaya, moral dan kualiti hidup. Kemunduran merupakan istilah kontra bagi pembagunan. Dari segi retrospektif sejarah, pembangunan tamadun

manusia boleh kita konsepsikan sebagai kemajuan komprehensif iaitu yang merangkumi semua bidang kehidupan seperti yang dianjurkan oleh al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Konsep pembangunan tidak terbatas kepada sains, teknologi, ekonomi dan infrastruktur sosial sahaja malah dipengaruhi oleh fahaman materialisme dan kapitalisme yang berfokuskan kepada pembangunan fizikal yang difahami oleh orang Eropah dan Amerika Syarikat (Sufean, 2002). Hal ini lebih kurang sama dengan pandangan Shamsul (1990):

"Dari satu sudut, pembangunan dikatakan mencakupi keseluruhan kehidupan manusia: lahiriah dan batiniah, luaran dan dalaman, material dan spiritual, fizikal dan mental, utiliran dan humanis, praktis dan teoritis dan yang alamiah yang dirancagkan. Dari satu sudut yang lain pula, pembangunan merupakan sesuatu yang objektif, praktis dan boleh direncanakan. Justeru pembangunan boleh diukur tercapai tidaknya, boleh dikira dengan angka-angka jaya gagalnya, dan boleh dibuat pelanjuran tentang masa depannya".

(Halaman 131)

Konsepsi umum tentang perubahan dan pembangunan sosio-ekonomi boleh diusul kembali kepada adab kesembilan belas. Minat yang meluas di kalangan sarjana Eropah pada kurun tersebut terhadap sosio-ekonomi sebahagiannya membayangkan keadaan-keadaan yang terdapat pada masa itu. Idea tentang pembangunan sebagai transformasi masyarakat secara progresif telah mula terdapat bentuknya yang moden dan bidang penulisan tokoh-tokoh sains

sosial yang dikenali sebagai tokoh pengasas sosiologi moden seperti Comte (1798-1857), Mary (1818-1883), Spencer (1820-1903), Durkheim (1858-1917) dan Weber (1894-1920) dan sebagainya (Rahimah, 1989). Pada awal abad ke-20, idea-idea evolusionis telah mula diketepikan oleh kebanyakan ahli sains sosial. Bahkan pada masa itu terdapat usaha-usaha menghalusi, menganalisis dan mengkritik idea-idea abad ke-19. Pengkaji-pengkaji sains sosial pada abad ke-20 lebih cenderung mengkaji perubahan sesuatu fenomena untuk faktor-faktor yang menyebabkan atau mengiringi sesuatu perubahan (Rahimah, 1989).

Kesimpulannya konsep pembangunan patriotisme merupakan perubahan pemikiran atau perasaan taat setia rakyat kepada kedaulatan negara Malaysia. Kajian ini mengutamakan golongan belia yang dikatakan sebagai tulang belakang negara kerana mereka akan mewarisi pentadbiran negara di masa hadapan bertujuan untuk menimbulkan perasaan sanggup berkorban nyawa dan kebanggaan terhadap tanah airnya dan ia merupakan syarat asas bagi seseorang warganegara yang mendiami di negaranya sendiri. Semangat patriotisme ini merupakan sumber inspirasi yang boleh berperanan membangkitkan kesedaran dan pengembangan kemampuan dan meningkatkan komitmen terhadap agenda kebangsaan.

2.3 Pendekatan Teori

Sebagai kesinambungan bagi proses sosialisasi, kerajaan mempunyai tugas untuk menyediakan generasi belia dengan masyarakat identiti bangsa Malaysia yang mempunyai kesedaran tentang patriotisme. Salah satu unsur yang penting untuk melahirkan generasi belia ini ialah penjawat awam iaitu nilai-nilai murni yang berkaitan dengan keperluan dan perkembangan diri individu yang bertujuan untuk menghasilkan individu yang berpengetahuan dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, pengkaji ingin menyelidik beberapa teori dan jenis patriotisme. Teori humanistik yang mempunyai kaitan dengan pembangunan patriotisme di kalangan penjawat awam merupakan salah satu nilai yang perlu ada setiap pekerja kakitangan kerajaan. Hurwitz dan Peffley (1999) membahagikan patriotisme kepada lima aspek iaitu, *iconoclastic patriotism, symbolic patriotism, capitalistic patriotism, instinctive environmental* dan *nationalistic symbol patriotism*.

2.3.1 Teori Humanistik tentang Konsep Kesempurnaan Kendiri oleh Carl Rogers

Teori humanistik dikemukakan oleh Rogers pada tahun 1951. Mengikut Rogers (1951), setiap organisme dilahirkan dengan kebolehan, kepasiti dan potensi dalaman. Sasaran seseorang

individu adalah untuk mencapai potensi yang sedia ada wujud dan juga mencapai konsep kendiri individu. Ini dipanggil penyempurnaan kendiri. Contohnya seorang individu yang menganggap dirinya bijak, dia akan mencuba mencapai konsep kendirinya itu.

Menurut Rogers (1977), manusia semuanya baik dan mulia. Mereka sentiasa bergerak ke hadapan, iaitu ke arah kesempurnaan kendiri. Mereka mempunyai kencenderungan untuk menyempurna, mengekal dan menambah pengalamannya. Walau bagaimanapun, pergerakan individu ke arah kesempurnaan kendiri ini tidak selalunya berjalan lancar seperti yang diharapkan. Terdapat halangan terutamanya yang berkaitan dengan konsistensi dan kongruens untuk mencapai matlamat tersebut.

Kongruen dan konsistensi atau ketekalan adalah keadaan yang aman yang wujud di antara kendiri dan pengalaman seseorang itu. Walau bagaimanapun, seseorang itu sering mengalami keadaan tidak kongruens kerana berlaku ketidaksamaan antara kendiri yang dipersepsi dengan kendiri yang sebenar. Keadaan tidak kongruens akan menimbulkan ketidakselesaan dan ketegangan dalam diri.

Menurut Rogers (1977), manusia perlukan perhatian positif, iaitu keperluan untuk disayangi, disukai, dihormati, disanjungan dan diterima oleh orang lain. Akan tetapi manusia tidak sentiasa mendapat perhatian positif yang diperlukannya, malah mereka juga

menerima perhatian negatif yang boleh menyebabkan berlakunya ketegangan dan tekanan dalam diri.

Oleh itu, berdasarkan teori ini seseorang individu terpaksa menerima keadaan dirinya yang sebenar dengan keluarganya dan orang disekelilingnya sebagai usaha untuk mengelak timbulnya masalah dan konsep kendiri yang negatif. Apabila seseorang itu sering mengalami keadaan tidak kongruen dan kegagalan dalam kesempurnaan kendiri maka ia mudah terlibat dalam tingkah laku yang negatif ketika waktu bekerja seperti membuang masa dengan berbual-bual kosong sesama mereka.

2.3.2 *Iconoclastic Patriotism*

Iconoclastic Patriotism merujuk kepada seseorang individu yang menterjemahkan cinta ksehinya kepada negara melalui tindakan-tindakan yang memberi kesan yang baik keada negara. Selaulunya individu yang mempunyai semangat ini mempunyai sikap yang gigih, berani, berdisiplin, berilmu dan berwawasan untuk membangunkan dan memajukan negara. Selain itu, mereka ini bersikap positif kepada negara sebagai contoh, jika sesebuah negara tersebut aman dan damai, mereka akan berusaha untuk bekerja bersungguh-sungguh demi kemakmuran negara kerana mereka dapat menghayati kepuasannya apabila kemajuan dan kemakmuran berrjaya dikecapi oleh negara. Akhir sekali, mereka yang mempunyai

semangat *Iconoclastic Patriotism* sanggup berkorban nyawa untuk mempertahankan negara jika terdapat ancaman dari dalam atau luar negara. Jelaslah bahwasanya mereka ini lebih mementingkan negara berbanding kepentingan peribadi, keluarga dan sahabat handai.

2.3.3 *Symbolic Patriotism*

Symbolic Patriotism pula merujuk kepada tahap patriotisme yang dilambangkan melalui rasa hormat terhadap simbol-simbol negara seperti bendera, lagu kebangsaan, Rukun Negara, laungan, slogan dan lain-lain simbol penting. penggunaan simbol ini boleh membangkitkan semangat individu sebagai lambang kecintaan mereka terhadap negara. Melalui patriotisme, kohesi sosial dan kesanggupan berkorban demi negara akan timbul dengan sendirinya dalam kalangan anggota masyarakat. Lantaran itu, patriotisme bukan sahaja penting untuk “masyarakat” tetapi juga penting untuk “individu” kerena “individu” yang mencintai kumpulan dan daerah geografinya akan berasa bahagia dan tenang kerana mereka sentiasa hidup dalam berkumpulan bukannya terasing dan terpisah dari arus perdana sesebuah negara (Abdul Rahman Aziz *et al.*, 2002)

Seseorang individu boleh diukur tahap patriotismenya berlandaskan faktor yang menggunakan simbol sebagai mengetahui individu

tersebut adalah patriotik atau tidak. Lain bangsa dan agama, lain tahap semangat patriotisme.

2.3.4 Capitalistic Patriotism

Capitalistic Patriotism merujuk kepada tindakan individu yang menunjukkan serta melahirkan perasaan patriotisme yang lebih terarah kepada perkembangan ekonomi negara. Golongan yang mempunyai semangat patriotisme ini melibatkan diri untuk memberi sumbangan dari segi kemajuan ekonomi negara. Kejayaan syarikat yang berdaya saing, bertanggungjawab dan beretika dengan produk atau perkhidmatan yang berkualiti adalah salah satu bentuk patriotisme (Zain Hashim, 2002). Mereka dari golongan ini lebih mementingkan kesejahteraan keseluruhan masyarakat dan negara di samping mengharumkan nama atau imej negara di mata dunia. Dengan ini sedikit sebanyak ia akan menyemarakkan perasaan bangga kepada negara dan membina semangat jati diri.

2.3.5 Instinctive Environment Patriotism

Instinctive Environment Patriotism merujuk kepada golongan yang mempunyai perasaan cintakan alam sekitar negaranya. Patriotisme bukan hanya sekadar mempertahankan negara, tetapi juga perlu diperlihatkan dalam usaha memperbaiki kualiti hidup dan alam sekitar. Seseorang yang mempunyai semangat patriotisme ini akan

berusaha memelihara flora dan fauna dan jikalau terdapat ancaman ke atas flora dan fauna seperti pencemaran akan ditentang habis-habisan demi menjaga keharmonian dn kesejahteraan negara mereka. Sesebuah negara yang mempunyai kelebihan dari segi alam sekitar ini akan dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan. Oleh demikian, ia dapat meningkatkan nama negara di persada antarabangsa, malah ia menjadi sebagai salah satu punca pendapatan negara.

2.3.6 *Nationalistic Symbolic Patriotism*

Nationalistic Symbol Patriotism pula merujuk kepada seseorang individu yang lebih menjurus kepada kecenderungan dan kelangsungan menyatakan kesetiaan yang tinggi kepada sesuatu bangsa atau terlalu taksub kepada tanah airnya. Kecenderungan ini adalah untuk lebih meminati bangsa sendiri terutamanya untuk menyaingi bangsa-bangsa lain. Patriotisme adalah milik semua warga di sesebuah negara tanpa mengira idoelogi apa sekalipun yang dianutinya.

Natijahnya, semangat patriotisme perlu dipupuk di kalangan kakitangan awam oleh kerajaan. Kerajaan hendaklah menekankan semangat patriotisme kepada penjawat awam ketika bekerja tanpa mengira bangsa dan masa. Semangat patriotisme tidak boleh dipisahkan daripada sistem masyarakat. Sekiranya sesebuah

masyarakat lebih mementingkan pencapaian individu maka individualisme akan menenggelamkan patriotisme rakyat dan objek kesetiaan dan kecintaan mereka bukanlah untuk negara tetapi diri sendiri. Oleh itu, semua penjawat awam tanpa mengira bangsa perlu mempunyai semangat cintakan negara ketika berinteraksi dan bekerja sesama mereka untuk memajukan dan membangunkan negara. Jelaslah kepada umum bahwasanya penjawat awam di negara ini perlu mempunyai semangat patriotisme dari pelbagai aspek seperti yang telah dinyatakan untuk mengekalkan kesejahteraan dan kemakmuran negara.

2.4 Peranan dan Kepentingan Patriotisme di Kalangan Penjawat Awam di Malaysia

Patriotisme merupakan satu gagasan pembinaan negara bangsa yang besar, ia bukan sekadar semangat ataupun isu politik yang boleh dijadikan gimik. Patriotisme melibatkan masyarakat atau seluruh individu di sesebuah negara. Dengan itu sesuatu yang agung akan terjalin dari aspek keyakinan, keberania, keberanian, kesungguhan dan kesinambungan di kalangan penjawat awam kepada negara. Semangat patriotisme ini merujuk kepada ikatan spiritual antara rakyat dan negara. Ikatan spiritual yang dinyatakan adalah berasaskan kepada semangat cintakan negara dan sanggup berkorban mempertahankannya sekalipun ia membabitkan wang,

masa atau nyawa seseorang individu. Seseorang tiada perasaan cintakan negara dianggap sebagai manusia yang hilang jati dirinya.

Cara penghayatan semangat cintakan negara berbeza-beza mengikut peredaran masa. Walaupun begitu, masyarakat sesebuah negara tersebut perlu melahirkan perasaan cintakan negara dan kesanggupan untuk meningkatkan imej negara. Semangat ini hendaklah diwujudkan di dalam jiwa setiap penjawat awam yang berkhidmat untuk negara kerana ia merupakan satu tuntutan dan keperluan yang wajib dalam kehidupan manusia untuk mencapai tamadun yang berkualiti. Ini kerana dengan adanya penjawat awam yang berpatriotik, sesebuah negara akan memperoleh maruah, jati diri dan jaminan masa depan untuk generasi yang akan datang. Menurut Abdul Rahman *et al.* (2002) manusia juga memerlukan orang lain untuk membentuk jati dirinya. Perkembangan kejiwaan, pembentukan konsep kendiri malah keupayaan berbahasa memerlukan kehadiran orang lain untuk membimbing seseorang individu tersebut. Sejak dahulu lagi, manusia hidup saling bergantungan antara satu sama lain yang akan mewujudkan satu kelompok masyarakat dalam bentuk kerjasama apabila melibatkan sesuatu pekerjaan. Pengalaman kehidupan manusia yang hidup dalam kelompok menjad tunjang kepada perlunya patriotisme.

Dengan adanya jati diri yang jelas, semangat patriotisme dapat dibentuk dalam kalangan rakyat keseluruhannya tanpa mengira

kaum atau keturunan seseorang individu atau masyarakat terutamanya penjawat awam. Apabila seseorang itu mengetahui sejarah asal usul, sistem sosiopolitik dan jatuh bangun tamadun mereka di rantau ini, kesedaran itu mereka akan menemui jati diri pada bila-bila masa digunakan untuk menyatupadukannya. Sekiranya tidak, usaha membentuk semangat kenegaraan dan patriotisme dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia sudah tentu gagal (Habibah Zon, 2002). Jati diri merupakan aspek terpenting dalam membentuk individu yang mempunyai semangat patriotisme untuk menjamin keselamatan dan kebahagiaan dunia oleh masyarakat.

Dewasa ini, Malaysia sedang berusaha ke arah mewujudkan sebuah bangsa baru iaitu bangsa Malaysia yang lebih bersifat majmuk tetapi bersatu padu walaupun berbeza dari segi budaya, agama dan warna kulit. Dengan cara ini, kita dapat menghindarkan diri, bangsa dan negara kita diperlakukan seperti mana negara yang lain yang pastinya telah gagal menilai semula erti jati diri dan patriotisme. Sesebuah negara yang mempunyai rakyat yang berilmu dan berpengetahuan luas akan dipandang tinggi oleh negara lain. Sebuah masyarakat yang merdeka dan berwibawa adalah bebas untuk menerokai sejarah asal usulnya tanpa melihat dari pandangan kaca mata pengaruh luar. Penafian dan kekeliruan fakta dapat dihuraikan dan dirungkai dengan melihat daripada pandangan dalaman berbanding pengaruh unsur luaran yang akan

memutarbelitkan fakta, seterusnya menjadikan nilai bangsa tersebut tergugut.

Tanpa patriotisme yang kukuh sesebuah bangsa akan mudah dijajah dan dimusnahkan oleh bangsa lain. Semangat ini dapat diperkuuhkan kedudukan bangsa dalam sesebuah negara yang berdaulat. Patriotisme memupuk perasaan harga diri dan membantu ke arah membina masyarakat yang bermaruah, berimej tinggi dan berperibadi mulia. Sekiranya cinta terhadap negara hilang, kepercayaan kepada tanah air musnah maka lenyaplah harga diri dan maruah sesuatu bangsa. Nilai sesuatu bangsa itu adalah amat tinggi dan berharga, rasa sayang dan cinta kepada bangsanya akan menyebabkan seseorang individu cuba mempertahankan maruah bangsanya daripada dipandang enteng oleh bangsa lain. Apabila hilangnya semangat jati diri sesebuah bangsa tersebut, ia akan mengundangkan kelemahan kepada mereka.

Oleh yang demikian, sejarah mesti dijadikan sebagai landasan untuk mengembalikan semangat patriotisme kerana bangsa generasi kini dapat merasakan liku-liku kehidupan generasi sebelum ini untuk mempertahankan negara dari ancaman luar dan mengambil iktibar untuk merangka tamadun yang lebih tinggi. Semangat patriotisme penting untuk mengembangkan sesebuah bangsa dan negara. Negarawan atau tokoh-tokoh dahulunya yang berbakti kepada negara perlu dikenang dengan sebaik-baiknya kerana mereka

sebahagian daripada perjuangan untuk memartabatkan patriotisme negara dan mereka jugalah lambang atau simbol kejayaan kepada sesebuah negara yang merdeka.

2.5 Penjawat Awam Sebagai Kepercayaan Rakyat Terhadap Kerajaan

Negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti di Malaysia sebagai asas pemerintahan meletakkan rakyat pada tempat yang tinggi kerana rakyat menjadi hakim pada apa yang dilakukan oleh kerajaan dan melalui pilihan raya rakyat akan memilih pemerintah berdasarkan mandat yang telah diberikan sejak dahulu lagi. Salah satu jentera yang penting untuk melahirkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan ialah penjawat awam atau kakitangan kerajaan sendiri. Apabila kepercayaan kepada kerajaan dapat diwujudkan sudah tentu semangat patriotisme di kalangan rakyat dapat dilahirkan.

Keyakinan rakyat kepada kerajaan tidak bersifat statik. Perubahan dari segi ekonomi, politik, budaya, sosial,pemikiran dan sebagainya akan mempengaruhi tahap kepercayaan rakyat kepada kerajaan yang memerintah. Pengkaji politik antaranya Stokes (1962) mengatakan bahawa keyakinan rakyat terhadap kerajaan adalah merupakan asas penilaian untuk mengukur sejauh mana kukuhnya pengaruh kerajaan yang memerintah. Manakala Miller (1974) pula

mengatakan kepercayaan rakyat adalah hasil daripada tindakan sesebuah kerajaan yang berjaya melaksanakan tanggungjawab pemerintahannya dengan baik. Daripada dua pendapat sarjana yang dipetik, satu kesimpulan yang dapat dinyatakan disini bahawa kepercayaan rakyat terhadap kerajaan semakin menebal jika kerajaan berjaya menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat. Sebaliknya, kepercayaan rakyat akan mula terhakis apabila kerajaan gagal menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat sejagat raya.

Sebagaimana yang diketahui, penjawat awam merupakan cerminan sifat kerajaan. Justeru itu, mereka hendaklah bertanggungjawab, berdisiplin, berintegriti, mempunyai iltizam yang tinggi pada mata masyarakat atau rakyat. Ini semuanya dapat dilakukan misalnya melalui memperkasakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahsa rasmi, menerapkan nilai-nilai murni yang menggambarkan budaya Melayu yang tinggi dan bersikap patriotic terhadap negara. Perlakuan yang sedemikian oleh penjawat awam yang begitu ramai akan melahirkan sinergi adalah menghidupkan roh Perlembagaan Malaysia.

Penjawat awam berperanan sebagai penyampai maklumat dan ilmu serta perubahan kepada masyarakat umumnya. Melalui Tranformasi Kerajaan dan Program Rangsangan Ekonomi penjawat awam boleh berperanan sebagai penyampai dasar-dasar kerajaan agar rakyat

boleh memahaminya. Dari sudut yang lain pula apabila informasi dan ilmu sampai kepada pengetahuan rakyat secara yan berhemah secara tidak langsung menyukarkan anasi-anasir ini yang merosakkan masuk menjadi barah dalam diri rakyat dan tidak meguntungkan tamadun bangsa. Sememangnya untuk membina dan membentuk kesedaran di kalangan rakyat bukan sesuatu yang mudah namun seorang penjawat awam yang mempunyai kualiti dan integriti yang tidak tidak sukar melakukannya. Banyak pengorbanan yang perlu dilakukan oleh rakyat untuk membentuk negara yang aman.

Tidak dinafikan bahawa peranan sebagai penjawat awam ini amatlah besar dalam semua bidang kehidupan termasuklah politik, ekonomi dan sosial. Justeru itu inilah yang harus digembangkan semaksimum yang mungkin supaya rakyat yang hidup jauh di kawasan pedalaman misalnya tidak tahu akan apa-apa perkembangan yang sedang terjadi dan bakal terjadi serta persediaan yang perlu ada untuk berhadapan dengan segala perubahan yang berlaku dengan pesatnya.

Menurut Hardin (1993) kajian mengenai kepercayaan rakyat terhadap kerajaan menjadi semakin penting apabila masyarakat mulai bertambah dan menjadi kompleks dan berlalu perubahan dari segi ekonomi dan budaya. Dalam keadaan sebegini perubahan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan perlu diambil kira

terutamanya jika berlaku perubahan sokongan kepada pihak atau parti lain. Kehilangan sokongan dari rakyat terhadap kerajaan dapat melemahkan kestabilan sesebuah negara dan menurunkan tahap kepatuhan rakyat terhadap dasar kerajaan. Manakala kesan daripada peningkatan kepercayaan rakyat kepada kerajaan akan memberi kemenangan terhadap parti dan kerajaan yang memerintah dalam pilihan raya (Easton , 1965; Muller & Jukam, 1977). Kerajaan akan mengalami kesukaran untuk memerintah negara dan segala dasar yang dibentuk dan dilaksanakan akan kurang mendapat kerjasama daripada rakyat.

Antara faktor yang mempengaruhi kepercayaan rakyat terhadap kerajaan adalah melalui jentera kerajaan iaitu penjawat awam. Prestasi jentera awam dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat juga didapati akan mempengaruhi tahap kepercayaan rakyat. Hasil kajian yan dibuat semasa pilihan raya di Washington pada tahun 1994 mendapati kesan daripada perestasi jentera-jentera kerajaan mempunyai kesan yang signifikan terhadap tahap keyakinan rakyat.

Hasil kajian itu mendapati:

"... 32 percent of those polled expressed satisfaction with the way government work, 34 percent agreed that 'have a real say' with government does. 72 percent ... frustrated with the way governments works. Only 23.3 agree with the statement that

pilitionists look out for the interest of the public before lokking out for their own interest."

(Paulson, 1996)

Satu kajian peringkat nasional juga telah dilakukan oleh Hart dan Teerter bagi *Council for Excellent in Government*. Hasil kajian mendapati sembilan dari sepuluh responden menyatakan jentera kerajaan tidak menjalakan tugas mereka baik. Sejumlah 42 peratus daripada mereka pula gagal menyatakan kejayaan yang telah dilakukan oleh kerajaan dan apabila ditanya tentang nilai yang terdapat pada program-program khusus yang dilaksanakan oleh kerajaan, majoriti mengatakan kejayaan program-program terbabit dalam lingkungan sepuluh markah (Shields, 1997).

Dalam konteks Malaysia, keyakinan rakyat kepada kakitangan kerajaan terjejas selepas pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 1997 berikutan kes salah lau dan salah guna kuasa. Pasukan plis dan badan kehakiman teruk dikecam oleh rakyat kerana dikatakan tidak telus menjalakan tugas. Kerajaan dikatakan menggunakan pasukan polis dan badan kehakiman untuk kepentingan sendiri terutama bagi menangkap dan menjatuhkan hukuman kepada musuh-musuh politik. Keseluruhan dari tohmahan itu, sebahagian daripada rakyat terusik simpatidan memberikan sokongan kepada pembangkang dalam Pilhan Raya Umum ke-9.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menyedari bahawa agensi kerajaan memainkan peranan masing-masing dengan lebih cekap supaya rakyat mempunyai keyakinan terhadap kerajaan yang memeritah. Untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap agensi kerajaan seperti pihak polis dan badan kehakiman, kerajaan telah mengambil langkah-langkah aktif seperti menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi mempertingkatkan profesionalisme pasukan polis dan menggalakkan mereka supaya lebih senang didekati oleh orang ramai dan lebih memberi kerjasama kepada peguam. Keyakinan rakyat terhadap integriti dan kebebasan badan kehakiman serta pasukan polis adalah sesuatu yang diharapkan oleh rakyat.

Keseluruhannya untuk mendapatkan kepercayaan dari rakyat, kerajaan terlebih dahulu memahami rakyat melalui saluran-saluran kerajaan seperti penjawat awam. Data-data tentang demografi rakyat negara ini mestilah sentiasa dikemas kini. Tanpa maklumat kependudukan yang terkini kerajaan akan terperangkap dengan gaya kepimpinan dan dasar-dasar yang tidak menjurus kepada kehendak rakyat. Akhirnya rakyat akan hilang kepercayaan kepada kepimpinan berkenaan dan mereka akan menghukum melalui plihan raya yang akan diadakan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi atau kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik memainkan peranan yang penting di dalam usaha untuk mencapai satu keputusan yang sah dan kebolehpercayaan samada kajian yang dilakukan itu berjaya atau tidak. Antara aspek metodologi kajian yang dibincangkan adalah rekabentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, instrument (alat kajian), kaedah pengumpulan data, tatacara pengumpulan data dan analisis data yang diperolehi.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan di mana borang soal selidik diedarkan kepada responden yang telah dikenalpasti. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengkaji samada nilai, penerapan dan sejarah dapat membantu seseorang penjawat awam agar lebih patriotik kepada negara di mana perkara ini amat penting sebagai pemacu untuk meningkatkan hala tuju negara agar lebih dinamik dan maju. Selain daripada itu, kajian ini juga mengkaji samada faktor-

faktor demografi seperti jantina, etnik, status kerja dan sebagainya juga terlibat dalam mempengaruhi perkembangan jati diri mereka. Relevannya pengkaji menggunakan kaedah ini kerana iaanya adalah yang paling sesuai dan memudahkan pengkaji untuk mengumpul data populasi berdasarkan responden yang telah dikenalpasti. Penyelidikan ini melibatkan kajian ke atas dua pembolehubah utama iaitu pembolehubah bebas atau tidak bersandar dan juga pembolehubah terikat atau bersandar.

3.3 Populasi Kajian

Populasi bagi kajian ini adalah ke atas peserta Kursus Kenegaraan SSM PTK1 yang merangkumi kesemua jawatan dan gred bermula 1 hingga 41 iaitu Sasaran 1 (Gred 27-41), Sasaran 2 (Gred 17-25) dan Sasaran 3 (1-15). Kesemua mereka adalah penjawat awam yang baru berkhidmat dengan kerajaan. Jumlah populasi adalah seramai 500 orang. Bagi sasaran 1 adalah 320 orang, sasaran 2 adalah seramai 120 dan 60 orang adalah sasaran 3 merupakan penjawat awam yang memegang pelbagai jawatan.

3.4 Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan maklumat dan data, teknik pengumpulan data yang digunakan ialah teknik pengumpulan data primer dan

sekunder. Tujuan pengumpulan data ini ialah supaya data serta maklumat yang diperolehi mencapai objektif dan matlamat kajian.

Dalam melakukan proses pengumpulan data, data akan diperolehi daripada sumber primer iaitu borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Bagi melicinkan proses kajian, borang-borang soal selidik akan diedarkan kepada semua responden dalam masa 4 minggu dan selepas itu proses pengiraan dan analisa akan dibuat.

Sungguhpun populasi kajian adalah besar iaitu seramai 500 orang penjawat awam, pengkaji telah menetapkan untuk memilih kesemua responden dalam mengedarkan borang kaji selidik tersebut. Sebanyak 500 borang kaji selidik telah diedarkan dan pengkaji menjangkakan hampir 100% borang tersebut akan dikembalikan semula kepada pengkaji.

Selain daripada sumber primer iaitu data yang diperolehi melalui borang soal selidik, pengkaji juga menggunakan data daripada sumber sekunder seperti buku rujukan ilmiah, sumber daripada internet, kajian-kajian yang lepas, bulletin, akhbar dan sumber-sumber yang boleh dipercayai untuk memperkuuhkan lagi keesahan data dan matlumat yang diterima.

3.5 Instrumen Kajian

Berdasarkan kepada kajian yang akan dijalankan, pengkaji berpendapat cara yang terbaik untuk mengumpul data adalah dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian itu.

Penggunaan borang soal selidik sebagai instrument kajian adalah merupakan cara yang paling sesuai kerana ianya menggunakan satu set soalan yang mudah untuk dikendalikan.

Di dalam borang soal selidik itu terdiri daripada dua bahagian di mana ianya akan dipecahkan kepada bahagian A dan B. Borang kajian soal selidik ini menggunakan borang soal selidik *Job Description Indexs (JDI)* oleh Brayfield & Rothe (1957) untuk mengkaji pembolehubah bebas dan pembolehubah terikat iaitu prestasi penjawat awam dalam perkhidmatan awam. Namun disebabkan oleh penggunaan kajian yang tidak serupa ianya telah diubah suai supaya dapat memenuhi kehendak soal selidik yang dikehendaki oleh pengkaji bersesuaian dengan kehendak semasa dan juga kehendak kerajaan agar penjawat awam sentiasa menyokong dan memberi prestasi yang cemerlang di dalam perkhidmatan.

Soalan-soalan dalam bahagian A akan terdiri daripada soalan-soalan demografi yang meliputi biodata berkenaan diri responden yang berkenaan. Setiap responden dikehendaki menandakan jawapan yang paling sesuai dan difikirkan betul pada dirinya. Ianya terdiri daripada 5 soalan meliputi persoalan tentang diri responden. Responden perlu membulatkan jawapan yang betul atau difikirkan bersesuaian.

Bahagian B pula adalah terdiri daripada 7 seksyen iaitu, Seksyen 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7. Soalan-soalannya terdiri daripada pembolehubah-pembolehubah bebas yang ingin dikaji iaitu nilai, penerapan dan sejarah penjawat awam yang patriotik. Setiap seksyen itu terdiri daripada 5 soalan yang mana ianya membawa kepada jumlah 35 soalan kesemuanya. Keseluruhan soalan akan menjawab segala persoalan kajian tentang perkembangan semangat patriotisme dikalangan penjawat awam di Malaysia dan perbandingan pemerintahan ketika zaman Tun Mahathir dan Tun Abdullah.

3.6 Analisis Data

Borang soal selidik yang dikembalikan akan dikumpul untuk tujuan mendapatkan keputusan. Setiap set soalan akan ditandakan dengan sistem pengenalan untuk memudahkan borang mana yang telah dimasukkan datanya dan juga supaya tidak bertukar atau

bertindih data. Tanda pengenalan itu adalah 1, 2, 3, dan seterusnya sehingga ke no 420. Melalui perisian SPSS, dalam (Statistical Package For the Social Science) segala data akan dimasukkan ke dalam program ini. Data yang dikumpulkan ini membolehkan peratusan dapat dianalisa dan ianya memudahkan pengiraan untuk mencapai objektif kajian. Setiap soalan yang dipilih oleh responden akan dimasukkan ke dalam paparan perisian SPSS sehinggalah ini kepada soalan yang terakhir. Selepas kesemua data dari borang soal selidik dimasukkan ke dalam paparan SPSS, maka pengiraan peratusan bermula dari responden pertama sehingga yang terakhir. Setelah selesai segala kemasukkan data maka keputusan pun diperolehi dan hasilnya dicetak.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Analisis kajian ini menumpukan kepada peratusan dalam mencapai satu keputusan yang sah untuk perbincangan dan seterusnya membuat penambahbaikan.

4.1. Keputusan

4.1.1. Peratusan Responden dan Borang Soal Selidik

Jadual 4.1.1.1

| Jantina | Bilangan Responden | Borang dikembalikan | % (Peratus) |
|---------------|--------------------|---------------------|-------------|
| Lelaki | 230 | 200 | 86.96 |
| Wanita | 270 | 220 | 81.48 |
| Jumlah | 500 | 420 | 84 |

Bilangan responden adalah seramai 500 orang dan 500 set borang soal selidik telah diedarkan kepada semua peserta kursus yang merupakan penjawat awam melalui wakil kem atau pengkaji sendiri berjumpa dengan responden. Hanya sejumlah 420 set borang soal selidik dikembalikan yang disebabkan oleh faktor seperti yang diterangkan di dalam limitasi kajian. Peratusan borang yang

dikembalikan adalah sebanyak 84% dan ianya adalah melebihi daripada 50% dan dengan itu kajian dapat dijalankan dengan jayanya. Bilangan responden wanita lebih ramai berbanding lelaki kerana lebih ramai wanita yang berkhidmat sebagai penjawat awam berbanding lelaki.

4.1.2 Kategori Umur

Jadual 4.1.1.2

| Kategori umur | Bilangan | % (Peratus) |
|---------------------|----------|-------------|
| 20 tahun -29 tahun | 170 | 40.5 |
| 30 tahun – 39 tahun | 200 | 47.6 |
| 40 tahun – 49 tahun | 50 | 11.9 |

Melalui borang soal selidik dan setelah dianalisa dengan perisian SPSS, maka data berikut telah diperolehi. Bagi kategori umur 20 tahun sehingga 29 tahun, bilangan responden adalah seramai 170 orang dengan membawa peratusan sebanyak 40.5%. bagi kategori umur 30 tahun sehingga 39 tahun, jumlah responden adalah seramai 200 orang dengan peratusan sebanyak 47.6%. Bagi kategori umur 40 tahun sehingga 49 tahun pula, jumlah responden adalah seramai 50 orang dengan 11.9%. Melalui data ini, boleh disimpulkan iaitu kategori umur 30 tahun sehingga 39 tahun adalah paling ramai dan yang paling kurang pula adalah bagi kategori umur 40 tahun ke atas. Ini disebabkan kerana penjawat awam yang berada di kategori umur 30 tahun hingga 39 tahun adalah yang paling ramai hadir ke kursus kenegaraan SSM PTK1.

4.1.3 Kelulusan

Jadual 4.1.1.3

| Kelulusan | Bilangan | %(Peratus) |
|------------------|-----------------|-------------------|
| SPM | 130 | 31 |
| DIPLOMA | 120 | 29 |
| IJAZAH | 170 | 40 |

Daripada data yang diperolehi menunjukkan pemegang SPM terdiri daripada 130 orang dengan membawa peratusan sebanyak 31%.

Bagi pemegang Diploma pula adalah seramai 120 orang dan peratusannya adalah 29%. Pemegang Ijazah merupakan yang paling ramai dengan jumlah 170 orang dan membawa kepada 40%.

Menurut data tiada penjawat awam yang berkelulusan sijil atau Ijazah Sarjana. Pengkaji mendapati responden merupakan mereka yang baru tamat pengajian di dalam bidang masing-masing mengikut peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma disamping mereka yang ditawarkan kerja selepas tamat SPM.

4.1.4 Faktor etnik

Melalui faktor etnik data diambil terus melalui SPSS bagi tujuan perbandingan.

4.1.4.1 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Bina Hubungan

Jadual 4.1.4.1.1

| Etnik/item | Melayu | Cina | India | Pribumi Sabah | Pribumi Sarawak | Lain-lain | Min |
|---|-------------|-------------|-------------|---------------|-----------------|-------------|-------------|
| Memahami adat resam kaum lain | 4.18 | 3.98 | 4.46 | 4.29 | 4.57 | 4.08 | 4.26 |
| Boleh bertolak ansur dengan rakan dari kaum lain | 4.25 | 4.15 | 4.48 | 4.71 | 4.57 | 4.31 | 4.41 |
| Berasa begitu selesa dengan rakan kaum lain | 4.23 | 3.99 | 4.55 | 4.29 | 4.57 | 4.08 | 4.29 |
| Sedar ada batasan tertentu yang perlu diatasi | 4.34 | 4.00 | 4.22 | 4.29 | 4.43 | 4.15 | 4.24 |
| Kebebasan beragama adalah satu cara hidup rakyat Malaysia | 4.61 | 4.40 | 4.55 | 4.86 | 4.57 | 4.54 | 4.59 |
| Min | 4.32 | 4.10 | 4.45 | 4.49 | 4.54 | 4.23 | 4.36 |

Daripada data yang diperolehi responden Pribumi Sarawak adalah yang mendapat skor min tertinggi di antara semua etnik iaitu sebanyak 4.54. Skor min yang paling rendah ialah Cina iaitu 4.10. Bagi faktor membina hubungan skor min tertinggi ialah kepada ‘Kebebasan beragama adalah satu cara hidup rakyat Malaysia’

dengan 4.59 dan skor min 4.24 merupakan yang paling rendah antara lain bagi item ‘*sedar ada batasan tertentu yang perlu diatas*’.

4.1.4.2 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Konsep Negara

Jadual 4.1.4.2.1

| Etnik/item | Melayu | Cina | India | Pribumi Sabah | Pribumi Sarawak | Lain-lain | Min |
|--|-------------|-------------|-------------|---------------|-----------------|-------------|-------------|
| Konsep negara adalah tunjang kepada kesejahteraan rakyat | 4.50 | 4.18 | 4.42 | 4.29 | 4.57 | 4.38 | 4.39 |
| Yakin elemen kenegaraan saling berkaitan | 4.50 | 4.10 | 4.42 | 4.14 | 4.42 | 4.15 | 4.29 |
| Kesetiaan rakyat adalah elemen utama kestabilan negara | 4.52 | 4.16 | 4.42 | 4.57 | 4.71 | 3.9 | 4.29 |
| Pengorbanan adalah satu aspek penting dalam kehidupan saya | 4.32 | 3.78 | 4.19 | 4.00 | 4.43 | 4.31 | 4.17 |
| Menyokong penuh Wawasan 2020 | 4.50 | 4.24 | 4.57 | 4.29 | 4.71 | 4.23 | 4.42 |
| Min | 4.47 | 4.09 | 4.40 | 4.26 | 4.57 | 4.19 | 4.33 |

Daripada data yang diperolehi responden Pribumi Sarawak adalah yang mendapat skor min tertinggi di antara semua etnik iaitu sebanyak 4.57 dan dikuti dengan Melayu sebanyak 4.47. Skor min yang paling rendah ialah Cina iaitu 4.09. Bagi Faktor Etnik dengan Item Konsep Negara, skor min tertinggi ialah kepada '*Konsep negara adalah tunjang kepada kesejahteraan rakyat*' dengan 4.39 dan skor min 4.17 merupakan yang paling rendah antara lain bagi item '*Pengorbanan adalah satu aspek penting dalam kehidupan saya*'. Semua responden menyatakan sayang pada negara dan negara merupakan elemen penting kepada setiap individu namun skor min menunjukkan segelintir daripada mereka agak sukar untuk berkorban. Oleh demikian, nilai dan penerapan patriotisme perlu disuntik agar setiap orang tidak ragu-ragu untuk berkorban demi negara.

4.1.4.3 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Tanah

Jadual 4.1.4.3.1

| Etnik/item | Melayu | Cina | India | Pribumi Sabah | Pribumi Sarawak | Lain-lain | Min |
|---|-------------|-------------|-------------|---------------|-----------------|-------------|-------------|
| Tanah menjamin survival hidup kita semua | 4.27 | 4.00 | 4.26 | 4.99 | 4.00 | 4.54 | 4.35 |
| Maruah bangsa bergantung kepada tanah | 4.30 | 3.93 | 4.21 | 4.50 | 4.57 | 4.08 | 4.27 |
| Bersyukur dengan kelebihan bio-diversiti negara kita | 4.22 | 3.85 | 4.06 | 4.14 | 4.43 | 4.15 | 4.14 |
| Sanggup bersama-sama memelihara bio-diversiti yang ada | 4.23 | 3.86 | 4.09 | 4.43 | 4.71 | 4.08 | 4.23 |
| Sumber bio-diversiti amat berguna kepada pembangunan ekonomi negara | 4.28 | 4.12 | 4.22 | 4.29 | 4.57 | 4.08 | 4.26 |
| Min | 4.26 | 3.95 | 4.17 | 4.47 | 4.46 | 4.19 | 4.25 |

Bagi Faktor Etnik dengan Item Tanah, data yang diperolehi responden mendapati Pribumi Sabah adalah yang mendapat skor min tertinggi di antara semua etnik iaitu sebanyak 4.77. Skor min yang paling rendah ialah Cina iaitu 3.95. Dari segi item, skor min

tertinggi ialah kepada ‘*Tanah menjamin survival hidup kita semua*’ dengan 4.54 dan skor min 4.08 merupakan yang paling rendah dan terdapat 3 item yang mendapat skor yang sama iaitu, ‘*Maruah bangsa bergantung kepada tanah*’, ‘*Sanggup bersama-sama memelihara bio-diversiti yang ada*’ dan ‘*Sumber bio-diversiti amat berguna kepada pembangunan ekonomi negara*’.

4.1.4.4 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Rakyat

Jadual 4.1.4.4.1

| Etnik/item | Melayu | Cina | India | Pribumi Sabah | Pribumi Sarawak | Lain-lain | Min |
|---|-------------|-------------|-------------|---------------|-----------------|-------------|-------------|
| Pengalaman rukun negara menjamin keamanan masyarakat kita | 4.47 | 4.23 | 4.33 | 4.14 | 4.43 | 4.15 | 4.29 |
| Bangga dikenali sebagai bangsa Malaysia | 4.63 | 4.27 | 4.56 | 4.23 | 4.57 | 4.23 | 4.42 |
| Perpaduan kaum teras kepada kemajuan negara | 4.60 | 4.37 | 4.66 | 4.29 | 4.43 | 4.38 | 4.46 |
| Sedia menyumbang tenaga demi bumi tercinta | 4.41 | 4.04 | 4.37 | 4.29 | 4.43 | 4.31 | 4.31 |
| Kecemerlangan pelajaran teras kejayaan kehidupan | 4.51 | 4.25 | 4.47 | 4.86 | 4.29 | 4.31 | 4.45 |
| Min | 4.52 | 4.23 | 4.48 | 4.36 | 4.43 | 4.28 | 4.39 |

Bagi Faktor Etnik dengan Item Rakyat, data yang diperolehi responden mendapati India adalah yang mendapat skor min tertinggi di antara semua etnik iaitu sebanyak 4.48. Skor min yang paling rendah ialah Cina iaitu 4.23. Dari segi item, skor min tertinggi ialah kepada ‘*Perpaduan kaum teras kepada kemajuan negara*’ dengan 4.46 dan skor min 4.42 merupakan yang paling rendah dan dengan item iaitu, ‘*Bangga dikenali sebagai bangsa Malaysia*’.

4.1.4.5 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Kerajaan

Jadual 4.1.4.5.1

| Etnik/item | Melayu | Cina | India | Pribumi Sabah | Pribumi Sarawak | Lain-lain | Min |
|--|--------|------|-------|---------------|-----------------|-----------|-------------|
| Kerajaan sedia ada boleh menjamin kesejahteraan masa depan saya | 4.25 | 3.89 | 4.20 | 4.43 | 4.00 | 4.00 | 4.13 |
| Pemimpin negara sekarang (Dato' Seri Najib) adalah yang terbaik | 4.34 | 3.91 | 4.10 | 4.23 | 4.86 | 4.08 | 4.25 |
| Mempercayai kepimpinan negara (Tun Dr. Mahathir Mohamed) dari dulu dan menyokong demokrasi | 4.27 | 3.84 | 4.23 | 4.43 | 4.29 | 4.00 | 4.18 |
| Percaya amalan sistem negara Islam sekarang diterima oleh semua kaum | 4.39 | 3.32 | 3.59 | 4.29 | 3.57 | 4.23 | 3.91 |
| Sikap memburukkan dasar kerajaan | 4.25 | 3.75 | 4.23 | 4.14 | 4.14 | 4.00 | 4.06 |

| | | | | | | | |
|---|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| pusat yang sememangnya berfaedah kepada rakyat boleh memudaratkan negara. | | | | | | | |
| Min | 4.30 | 3.74 | 4.07 | 4.30 | 4.17 | 4.06 | 4.11 |

Bagi Faktor Etnik dengan Item Kerajaan, data yang diperolehi responden mendapati Melayu dan Pribumi Sabah adalah yang mendapat skor min tertinggi di antara semua etnik iaitu sebanyak 4.30. Skor min yang paling rendah ialah Cina iaitu 3.74. Dari segi item, skor min tertinggi ialah kepada '*Pemimpin negara sekarang adalah yang terbaik*' dengan 4.25 dan skor min 3.91 merupakan yang paling rendah dan dengan item iaitu, '*Percaya amalan sistem negara Islam sekarang diterima oleh semua kaum*'. Pengkaji mendapati perbezaan kepimpinan di item '*Pemimpin negara sekarang (Dato' Seri Najib) adalah yang terbaik (4.25)*' dan '*Mempercayai kepimpinan negara (Tun Dr. Mahathir Mohamed) dari dulu dan menyokong demokrasi (4.18)*' tidak begitu jauh malah semangat patriotisme yang ditunjukkan semakin bertambah dari semasa ke semasa. Tambahan pula, aspirasi negara terkini ialah Gagasan 1Malaysia yang menyeru semua rakyat Malaysia untuk bersatu padu.

4.1.4.6 Kaitan Faktor Etnik dengan Item Kedaulatan

Jadual 4.1.4.6.1

| Etnik/item | Melayu | Cina | India | Pribumi Sabah | Pribumi Sarawak | Lain-lain | Min |
|--|-------------|-------------|-------------|---------------|-----------------|-------------|-------------|
| Perpaduan kaum adalah senjata kepada kedaulatan negara | 4.57 | 4.22 | 4.52 | 4.43 | 4.67 | 4.31 | 4.45 |
| Negara kita terdedah kepada ancaman luar | 4.01 | 3.52 | 3.54 | 4.71 | 3.86 | 3.69 | 3.89 |
| Saya pasti kecergasan fizikal diri daya berada pada tahap maksimum untuk kedaulatan negara | 4.03 | 3.65 | 3.91 | 4.00 | 4.29 | 4.00 | 3.98 |
| Saya jamin kekuatan mental yang ada pada diri boleh menjadi banteng pertahanan negara | 4.11 | 3.71 | 4.05 | 4.14 | 4.29 | 4.00 | 4.05 |
| Perpaduan orang Melayu / bumiputera adalah teras kepada kekuatan negara | 4.38 | 3.40 | 3.56 | 4.43 | 4.00 | 3.85 | 4.44 |
| Min | 4.22 | 3.7 | 3.92 | 4.32 | 4.22 | 3.97 | 4.16 |

Bagi Faktor Etnik dengan Item Kedaulatan, data yang diperolehi responden mendapati Pribumi Sabah adalah yang mendapat skor min tertinggi di antara semua etnik iaitu sebanyak 4.40. Skor min yang paling rendah ialah Cina iaitu 3.76. Dari segi item, skor min tertinggi ialah kepada '*Perpaduan kaum adalah senjata kepada kedaulatan negara*' dengan 4.45 dan skor min 3.89 merupakan yang paling rendah dan dengan item iaitu, '*Negara kita terdedah kepada ancaman luar*'. Faktor ini amat penting dan responden menunjukkan sesuatu yang di luar jangkaan di mana kaum Cina dan India menunjukkan bahawa perpaduan Melayu tidak menjamin teras kepada perpaduan negara.

4.1.4.7 Perbandingan Pemerintahan Mengikut Zaman Tun

Mahathir dan Tun Abdullah

Jadual 4.1.4.7.1

| Etnik/item | Melayu | Cina | India | Pribumi Sabah | Pribumi Sarawak | Lain-lain | Min |
|---|-------------|-------------|-------------|---------------|-----------------|-------------|-------------|
| Tun Mahathir tegas semasa pemerintahannya dan ia tidak menghalang untuk saya menjadi lebih semangat | 4.57 | 4.34 | 4.25 | 4.43 | 4.47 | 4.31 | 4.40 |
| Tun Abdullah telus dalam pemerintahannya dan saya berani untuk meluahkan pendapat | 4.35 | 4.40 | 4.24 | 4.61 | 4.25 | 4.69 | 4.42 |
| Saya suka kepada kedua-dua pemimpin | 4.55 | 4.03 | 4.00 | 4.40 | 4.39 | 4.00 | 4.23 |
| Saya lebih patriotik ketika zaman Tun Mahathir | 4.38 | 4.11 | 4.05 | 4.10 | 4.29 | 4.00 | 4.16 |
| Saya lebih patriotik ketika zaman Tun Abdullah | 4.11 | 4.15 | 4.05 | 4.13 | 4.14 | 4.01 | 4.10 |
| Min | 4.39 | 4.21 | 4.12 | 4.33 | 4.31 | 4.20 | 4.26 |

Data Perbandingan Pemerintahan Mengikut Zaman Tun Mahathir dan Tun Abdullah menunjukkan respon jelas menunjukkan penjawat awam lebih patriotik ketika zaman Tun Mahathir berbanding Tun

Abdullah tetapi tidak begitu ketara. Begitu juga, skor min untuk item “Tun Abdullah telus dalam pemerintahannya dan saya berani untuk meluahkan pendapat” (4.42) melebihi sedikit sahaja berbanding skor min bagi item “Tun Mahathir tegas semasa pemerintahannya dan ia tidak menghalang untuk saya menjadi lebih semangat” dengan 4.40. Perbezaan yang sedikit ini jelas menunjukkan penjawat awam dapat menerima ketua eksekutif yang memrintah mereka dan mereka sentiasa menyesuaikan diri dengan keadaan sebegini. Ini disokong pula oleh skor min untuk item “Saya suka kepada kedua-dua pemimpin” (4.23). kajian menunjukkan setiap pemimpin mempunyai kekuatan masing-masing. Setiap penjawat awam, mampu bekerja dengan sesiapa juga tanpa mengira pemimpin yang memimpin kerajaan ketika itu. Walau bagaimanapun, semangat patriotisme lebih berkesan ketika pimpinan Tun Mahathir berbanding Tun Abdullah namun mereka suka dengan pendekatan Tun Abdullah yang lebih terbuka dan telus dalam pemerintahannya.

BAB 5

MASALAH, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini akan membincangkan tentang masalah yang dikenalpasti, cadangan untuk kajian yang akan datang dan kesimpulan. Semua ini adalah hasil maklumat yang diperolehi daripada penjawat awam yang berkursus melalui borang soal selidik yang telah diedarkan dan dikumpulkan kembali. Ini adalah bertujuan untuk memantapkan lagi semangat patriotisme dikalangan penjawat awam di Malaysia.

Walau bagaimanapun, apa yang dibincangkan hasil daripada data yang dianalisa pada bab 4 hanya rumusan daripada kajian awal yang telah dibuat. Cadangan ini boleh diperbetulkan lagi bagi mendapat impak yang lebih berkesan untuk masa hadapan. Diharapkan cadangan dan kajian yang telah dilakukan ini dapat memberikan faedah kepada pihak berkenaan.

5.2. Masalah

5.2.1 Hubungan antara kaum

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang unik kerana mempunyai pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Di dalam perlembagaan Malaysia telah menetapkan hak yang sama kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Sehubungan dengan itu, penjawat awam di Malaysia terdiri oleh pelbagai kaum. Kepelbagaian kaum ini menimbulkan pelbagai masalah sekiranya tidak ditangani dengan sebaik mungkin seperti di negara-negara luar dari Malaysia di mana kaum minoriti tidak diberi hak sewajarnya.

Menurut data kajian, skor min menunjukkan sedikit perbezaan antara kaum terutamanya kaum Cina. Segelintir kaum Cina menunjukkan semangat patriotisme yang kurang berbanding kaum-kaum lain. Perkara ini agak dibimbangi kerana mereka juga adalah aset untuk membangunkan negara.

5.2.2 Nilai-nilai Patriotisme semasa menjalankan tugas

Semangat patriotik perlu diterapkan dan diserlahkan oleh setiap rakyat yang berjiwa merdeka dalam semua aspek secara luaran dan dalaman. Ini kerana ketahanan dalam diri perlu diperkuatkan bagi

menangkis pengaruh yang bertentangan dengan nilai agama dan budaya kita. Budaya kita perlu dipertahankan dengan patriotisme dan jati diri yang unggul.

Dewasa ini timbul pelbagai masalah yang jelas menunjukkan nipisnya semangat patriotisme dikalangan penjawat awam. Sebagai penjawat awam, sepatutnya mereka tidak boleh mudah terpedaya dengan dakyah sesetengah pihak apatah lagi menjadi agen penyebar fitnah dan khabar angin yang cuba menggugat perpaduan dan keharmonian negara. Oleh demikian, adalah menjadi tanggungjawab penjawat awam bagi memastikan negara kita terus aman, stabil dan maju.

Sekiranya penjawat awam tidak mempunyai nilai-nilai patriotik, mereka akan mudah terjebak dengan gejala salah laku dan salah guna kuasa yang bukan sahaja mencemarkan imej perkhidmatan awam bahkan memperlihatkan perkhidmatan awam yang tidak integriti, tidak berkualiti dan tidak cekap. Perbuatan-perbuatan seperti pecah amanah, tidak berdisiplin dan rasuah akan berleluasa.

5.2.3 Kesetiaan kepada pemimpin dan kerajaan memerintah

Setiap manusia mempunyai kelebihan tersendiri. Begitu juga setiap pemimpin. Fenomena sosio politik Malaysia berubah sejak Y.A.Bhg.

Tun Mahathir meninggalkan tugas sebagai Perdana Menteri Malaysia. Pelbagai reaksi timbul, ada yang suka dan tidak. Pengganti beliau Y.A.Bhg. Tun Abdullah juga begitu. Semasa era peralihan dan pertukaran corak pemerintahan, pelbagai peristiwa telah berlaku.

Kebanyakkan penjawat awam secara perlahan-lahan terpaksa belajar untuk menyesuaikan diri dengan corak kepimpinan semasa. Masalah yang timbul apabila terdapat perubahan pucuk pimpinan ialah perbandingan dan kesesuaian bekerja mengikut pemimpin. Ramai penjawat awam membandingkan cara setiap Perdana Menteri. Ada juga penjawat awam yang suka bekerja untuk Tun Mahathir sahaja dan ada pula yang gembira untuk bekerja dengan Tun Abdullah sahaja.

Sebagai penjawat awam ‘kesukaan’ kepada seseorang pemimpin perlu dikikis kerana penjawat awam perlu sayang dan setia kepada ketua yang memerintah agar mereka dapat melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan amanah serta bertanggungjawab.

Terdapat juga penjawat awam yang bermotivasi rendah dan tidak memiliki jati diri yang kuat. Ini memberi peluang kepada golongan sebegini untuk memburuk-burukkan pemimpin mereka samada yang dahulu atau masa tersebut. Gambaran ini menunjukkan penjawat-penjawat awam yang bermasalah.

5.3. Cadangan

5.3.1 Hubungan antara etnik perlu dieratkan

Disebabkan rakyat Malaysia berbilang kaum maka penjawat awam terdiri daripada pelbagai etnik. Pembinaan negara bangsa dan kedinamikan tamadun sesebuah negara bergantung kepada rakyatnya tanpa mengira warna kulit dan agama. Oleh demikian, kekuatan negara perlu dipertingkatkan dengan memantapkan hubungan antara etnik agar penjawat awam yang dilantik mempunyai jati diri dan hala tuju yang sama dan serupa demi negara.

Hubungan yang kukuh antara etnik dapat menjamin perpaduan dan rasa sayang kepada negara dan sentiasa memelihara kesejahteraan dan keamanan negara dari menjadi punca kepada anasir luar.

Kerajaan perlu meningkatkan dan menambahbaik sistem pendidikan negara dengan menyemai semangat patriotisme melalui nilai-nilai, penyerapan dan sejarah negara. Selain daripada itu, penerapan nilai-nilai patriotik dapat diselaraskan melalui komunikasi antara kaum supaya mereka sentiasa ada semangat kekitaan.

Sikap bertolak ansur antara etnik perlu ada dalam setiap diri rakyat Malaysia terutamanya kepada penjawat awam. Perkara paling mudah ialah setiap orang perlu menghormati agama orang lain.

Pengorbanan merupakan satu aspek penting dalam kehidupan setiap individu sekiranya mereka sayangkan negara. Kajian mendapati, kebanyakannya responden menyatakan sayang pada negara tetapi mereka ragu-ragu untuk berkorban demi negara. Oleh demikian, jati diri yang tinggi perlu diwujudkan dalam jiwa setiap penjawat awam supaya mereka setia dan sanggup menjalankan tugas demi negara walaupun terpaksa berkorban masa, wang dan keluarga.

Penjawat awam perlu setia menjalankan tugas tanpa mengira siapa kerajaan memerintah dan tidak memburuk-burukkan dasar yang diutarakan oleh kerajaan. Ini kerana ia boleh memudaratkan kestabilan negara dan penjawat awam merupakan nadi utama untuk menggerakkan sesuatu dasar kerajaan. Selain daripada itu, kesetiaan untuk menjalankan tugas perlu dikekalkan walaupun berubah tumpuk kepimpinan sebagai contoh perubahan zaman pemerintahan Y.A. Bhg. Tun Mahathir Mohamad dan Y.A. Bhg. Tun Abdullah Badawi. Walaupun, pemerintah yang berbeza namun aspirasi visi dan misi negara adalah sama, yang berbeza hanyalah cara pemerintahan seseorang pemimpin negara tersebut.

Senjata utama kepada kedaulatan negara adalah semangat perpaduan antara kaum yang kuat kerana sekiranya rakyat tidak bersatu padu maka negara kita akan terdedah kepada ancaman luar yang sentiasa ingin memporak perandakan dan mengambil kesempatan ke atas kelemahan negara. Kaum minoriti dan majoriti perlu berganding bahu dan tidak boleh mempersoalkan keistimewaan masing-masing agar perkara ini tidak membawa kemudaratan kepada negara. Dalam erti kata lain, sikap bertolak ansur, tolong menolong, hormat-menghormati dan kasih sayang perlu ada dalam diri dan jiwa masing-masing.

5.3.2 Pembangunan Nilai-nilai Patriotisme semasa menjalankan tugas

Setiap penjawat awam yang ditawarkan untuk memberi perkhidmatan kepada negara perlu mempunyai nilai-nilai positif dan semangat patriotisme yang jitu dalam jiwa masing-masing kerana di dalam al-Quran telah berfirman:

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya.

(Ingalah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan."

(surah An-Nahl: 72)

Penjawat awam boleh mempengaruhi masyarakat sekeliling. Sekiranya mereka mempamerkan imej yang positif maka masyarakat akan memandang positif terhadap kerajaan memerintah manakala jika sebaliknya maka mereka akan membangkang tampok pimpinan kerajaan. Oleh yang demikian, penjawat awam berperanan sebagai barisan hadapan kerajaan. Mereka akan menjadi tunggak untuk menaik dan menjatuhkan kerajaan.

Bagi melahirkan penjawat awam yang patriotik pendedahan awal perlu diterapkan melalui proses sosialisasi bermula dengan zaman kanak-kanak, remaja dan seterusnya. Proses yang paling penting untuk menanam rasa sayang akan tanah air ialah melalui pendidikan semasa di sekolah. Pihak berkenaan perlu menilai semula silibus sejarah di negara kita agar pelajar dapat menghayati unsur-unsur patriotisme tanpa merasakan sejarah hanya sebagai satu subjek untuk menuju peperiksaan.

Penjawat awam juga menyumbang kepada kesejahteraan negara di mana proses pemodenan negara dapat dijalankan dengan lancar dan harmoni. Kerjasama perlu ada di antara penjawat awam dan juga rakyat. Oleh itu, dengan adanya semangat patriotism

masyarakat akan lebih mementingkan perkara yang boleh memajukan negara agar dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain seperti Jepun.

5.2.3 Kesetiaan kepada pemimpin dan kerajaan memerintah

Taat kepada pemerintah adalah antara perkara asas yang dituntut dalam agama seperti firman Allah dalam Surah An-Nisa ayat 59:

“wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasullah dan kepada Ulil-amri (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu”

Semangat yang ditunjukkan oleh penjawat awam semasa pemerintahan era Perdana Menteri ke-5 dan ke-6 tidak jauh berbeza kerana kajian menunjukkan setiap kaum dapat menerima dengan baik pimpinan terdahulu dan sekarang. Mereka melihat aspirasi negara adalah sama sahaja. Walaubagaimanapun, kaum Cina menunjukkan sedikit perbezaan berbanding kaum-kaum lain tentang pemimpin dan kerajaan. Oleh demikian, pihak kerajaan perlu berusaha untuk menambahbaik kefahaman tentang visi dan misi negara kepada kaum Cina agar mereka tidak berasa mereka disisihkan.

Adalah menjadi satu perkara penting untuk menjaga kedaulatan negara dengan sentiasa memelihara perpaduan antara kaum kerana

melalui perpaduan ini maka wujud patriotisme dikalangan rakyat Malaysia. Sikap cinta dan sayang kepada Raja dan negara perlu khususnya kepada golongan muda kerana mereka merupakan pelapis kepada negara. Semangat ini penting demi keamanan, kemakmuran dan keselamatan negara.

Kepercayaan penjawat awam terhadap pemimpin adalah sangat penting untuk pembangunan dan keselamatan negara. Sekiranya penjawat awam tidak percaya kepada pemerintah atau kerajaan dikhawatir mereka akan menjual negara dengan memberi maklumat-maklumat sulit tentang negara kepada musuh-musuh negara samada di luar atau dalam. Oleh sebab demikian, semua pemimpin perlu memainkan peranan dan menjadi teladan yang baik agar penjawat awam dan rakyat percaya dan setia kepada kerajaan memerintah.

Selain daripada itu, sistem pentadbiran seseorang pemimpin perlu lebih cekap, teratur dan sistematik agar memudahkan penjawat awam menjalankan tugas mereka. Pemimpin perlu peka kepada masalah negara dan tegas dalam membuat keputusan agar pelaksanaannya dapat dijalankan oleh penjawat awam dengan mudah dan tepat. Perkara ini juga akan memudahkan kerajaan untuk mengawal semua penjawat awam dan rakyat kerana mereka akan sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah

ditetapkan oleh negara serta mengetahui implikasi setiap perkara yang telah ditetapkan.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penjawat awam yang baru berkhidmat ini mempunyai semangat patriotisme di dalam diri masing-masing walaupun tahap patriotisme mereka berbeza-beza namun setiap daripada mereka menunjukkan nilai-nilai positif bahawa mereka merupakan sebahagian daripada negara dan mereka adalah aset penting dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Nilai-nilai yang ada dalam diri setiap penjawat awam tidak dapat menjamin sekiranya mereka tidak memelihara dengan baik dan mempunyai keteguhan dan jati diri yang kuat kerana apabila mereka melangkah ke dunia perkhidmatan awam pelbagai dugaan dari dalam dan luar akan sentiasa timbul dan ini akan menguji tahap kesetiaan mereka terhadap negara.

Oleh sebab itu perbandingan antara hasil dan objektif perlu dilakukan. Ini adalah untuk memastikan semangat patriotisme dikalangan penjawat awam dapat diukur dan sentiasa dikekalkan walaupun mereka mendapat pelbagai dugaan dan ancaman. Kerajaan juga perlu menilai seseorang calon agar calon yang dipilih seiring dengan arus kepimpinan kerajaan kerana mereka ini

merupakan jentera penggerak kerajaan dan pelaksana dasar kerajaan.

Sehubungan dengan itu, pendidikan awal bagi menerapkan nilai-nilai patriotisme dalam diri individu perlu diberi seperti pengajaran sejarah di sekolah. Setiap individu perlu menghayati sejarah negara terutama pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku kepada negara agar tiada tali barut dalam sektor perkhidmatan awam. Kerajaan juga tidak boleh terlalu mengharapkan penjawat awam sahaja untuk mempunyai sikap patriotik malah pemerintah juga perlu sentiasa menunjukkan semangat patriotisme agar perkara ini dapat memberi motivasi kepada semua bukan sahaja penjawat awam tetapi juga kepada rakyat. Dengan ini semua pihak mendapat faedah dan manfaat dalam memartabatkan dan membangunkan negara yang tercinta.

SENARAI RUJUKAN

Abdul Rahman Hamid (2002). “ Perana Penyiar Awam dalam Peningkatan Patriotisme”. Kongres Patriotisme Negara. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Rahman Embong (2000). “ Negara bangsa: proses dan perbahasan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Anthony G. (1991). *Modernity Dan Self-Identity: Self And Society In The Late Modern Age*. California: Stanford University Press

Biro Tatanegara. (1991). Wawasan 2020. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri

Brayfield, A. H and Rothe, R.F (1987) Alndex of Job Satisfaction. Journal of Applied Psychology. Vol. 35 (5)

Khalid Mazlan, Noraziah Sharuddin (2007). Antologi Puisi Kemerdekaan dan Patriotisme: Warkah Anak Merdeka Universiti Teknologi Malaysia. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press

Kamus Dewan Edisi ke-4 (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haminah Suhaibo (2010). Pemupukan Patriotisme Dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu. Jurnal Penyelidikan IPG KBL, Jilid 9.

Mohd. Taib Osman (2004) .Globalisasi, patriotisme, dan isu-isu kemasyarakatan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Muhammad Ali Embi (2005). Sistem Saraan di Malaysia: Sistem Saraan Berasaskan Merit. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Muhamad Ali Embi (2009). Patriotisme dan kepercayaan rakyat di Malaysia Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors

Roosevelt, T. (1969). *Realized Ideals*. New York: Ayer Company Publisher

Sidi Gazalba (1966). Pengantar sejarah sebagai ilmu : Untuk tingkat pengetahuan menengah dan perguruan tinggi. Bhratara : the University of California

Talcott P., Erving G., and Harold G. (2003). *Order and Agency in Modernity*, State University of New York Press, Albany

T.Marimuthu (1990). Pengenalan Sosiologi Pendidikan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti

Walle, S. V. (2002). *Public Service Performance and Trust in Government: The Problem of Casualty*. Belgium: Public Management Institute, Leuven University.

Utusan Malaysia. 26 Oktober 2002